

"DARIPADA Khaulatal Ansariyah Radiallahuanha ia berkata :  
Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :  
Bahawasanya orang yang mencampuradukkan harta Allah dengan  
jalan yang tidak halal, maka mereka akan mendapat seksa api neraka  
pada Hari Kiamat kelak".  
- Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami,  
kiranya kami ini sudah  
terlanjur mengkufuri  
nikmat-Mu dengan  
kelakuan-kelakuan kami yang  
Engkau tidak redai, maka  
Engkau ampunkanlah kami dan  
kasihanilah kami dengan  
menarik balik wabak  
koronavirus daripada negara  
kami. Ya Allah mohon supaya  
Engkau bersihkan negara kami  
ini daripada wabak  
sebersih-bersihnya. Amin.  
Wahabunallahu  
Wani'malwakeel, Walahaula  
Walaa Qowwata Illa Billahil  
'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu  
Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam  
pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah  
bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi  
di Istana Nurul Iman.

## Pameran 'Seni Untuk Semua' ketengahkan hasil kreatif golongan OKU

Oleh : Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Disember. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Pameran 'Seni Untuk Semua' sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya 2023, di mana lebih daripada 100 buah karya termasuk lukisan, media campur, kraf tangan, perabot dan arca dipamerkan bertempat di Galeri 4, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.


Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan pameran tersebut, Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah yang kemudiannya turut menyempurnakan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada agensi-agensi berkaitan dalam menayakan pameran seni berkenaan.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat II, Masjid Kampung Pulaie, Awang Haji Muhammad Nuralif bin Haji Talib, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

Beliau antara lain mengongsikan Pameran 'Seni Untuk Semua' pada tahun ini merupakan kesinambungan daripada pameran yang telah diadakan julung kalinya tahun lepas, dan pada kali ini, pameran seni untuk semua bertemakan sensor.

>> Muka 17

## YLP KUKUHKAN HUBUNGAN ISTIMEWA NBD - SINGAPURA




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong yang berlangsung di Istana Nurul Iman.  
- Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 3).

## Kebawah DYMM akan berangkat ke Tokyo, Jepun

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke Tokyo, Jepun untuk menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun pada 15 hingga



17 Disember 2023.

Semasa di Tokyo nanti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan mengadakan perjumpaan-perjumpaan secara berasingan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun dan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida.

>> Muka 2

## Memperkuh budaya, etika kerja berkualiti, cemerlang

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

**BERAKAS**, Selasa, 12 Disember. - Seramai lebih kurang 300 orang pegawai dan kakitangan termasuk petugas barisan hadapan (*frontliner*) dan penyambut tetamu di Kementerian Kesihatan menghadiri Sesi Dialog Awam (Town Hall) bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di Daerah Brunei dan Muara, berlangsung di Dewan Al-'Afiah,

Kementerian Kesihatan, di sini.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Guru Ugama, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Haji Nor Asilin bin Haji Puting, diikuti dengan ucapan daripada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

>> Muka 11



## Berita Utama



BKISHHB tumpuan lawatan TYT Lawrence Wong dan isteri, rombongan

Muka 8



BIBD Aspirasi 6 dilancarkan

Muka 17



PROGRAM Perkongsian Maklumat bersama NDMC

Muka 18



PUTUSKAN rantai rasuah

Muka 20

# Kebawah DYMM akan berangkat ke Tokyo, Jepun



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bergambar ramai bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, Jepun dan Timor Leste sebelum berlangsungnya Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-26 di Jakarta, Republik Indonesia pada 6 September 2023.

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
Foto : Jabatan Penerangan

**>> Muka 1**

Manakala Sidang Kemuncak Komemoratif – yang diadakan bersempena dengan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Dialog ASEAN-Jepun pada tahun 2023 – akan dipengerusikan bersama oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo selaku Pengerusi ASEAN tahun ini dan Tuan

Yang Terutama Perdana Menteri Jepun serta dihadiri oleh para Pemimpin ASEAN yang lain.

Ia dijangka akan meluluskan visi baharu dalam mengukuhkan dan meningkatkan hubungan Perkongsian Strategik Komprehensif di antara ASEAN dan Jepun bagi memastikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di Asia

Tenggara.

Sejak penubuhan Hubungan Dialog ASEAN-Jepun pada tahun 1973, hubungan ASEAN-Jepun telah mencapai kemajuan yang signifikan termasuk penubuhan Pusat ASEAN-Jepun dan Dana Integrasi Jepun-ASEAN (JAIF), masing-masing pada bulan Mei 1981 dan Mac 2006, serta Program Pertukaran Rangkaian Pelajar dan Belia Jepun-Asia Timur (JENESYS).

Untuk meraikan kejayaan ini,

ASEAN dan Jepun bersetuju untuk menetapkan tahun ini sebagai tahun memperingati

50 tahun hubungan persahabatan dan kerjasama ASEAN-Jepun, dan menggalakkan pertukaran antara rakyat dan mengadakan pelbagai acara serta program pertukaran dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, budaya, pertukaran belia dan pelancongan di sepanjang tahun.

Pada Sidang Kemuncak Komemoratif bagi Memperingati

Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Persahabatan dan Kerjasama ASEAN-Jepun yang diadakan pada 14 Disember 2013 di Tokyo, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2013 bersama para Pemimpin ASEAN dan Jepun lainnya meluluskan Vision Statement on ASEAN-Japan Friendship and Cooperation and its Implementation Plan yang mempromosikan kerjasama berdasarkan empat tunjang iaitu 'Partners for Peace and Stability', 'Partners for Prosperity', 'Partners for Quality of Life', dan 'Heart-to-Heart Partners'.

Pada masa yang sama, Kenyataan Bersama mengenai Isu Serantau dan Global juga telah diluluskan bagi menangani cabaran-cabaran serantau dan global serta isu-isu yang berkepentingan bersama di antara ASEAN dan Jepun.

## WAKTU SEMBAHYANG

DISEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	RABU	29	4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24
14	KHAMIS	1 Jamadilakhir	4.46	4.56	6.19	6.44	12.16	3.37	6.10	7.25
15	JUMAAT	2	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
16	SABTU	3	4.47	4.57	6.20	6.45	12.17	3.38	6.11	7.26
17	AHAD	4	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
18	ISNIN	5	4.48	4.58	6.21	6.46	12.18	3.39	6.12	7.27
19	SELASA	6	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
<b>Bandar Seri Begawan</b>	32 25 °C	33 25 °C	31 25 °C
<b>Pekan Bangar</b>	32 25 °C	33 25 °C	30 25 °C
<b>Pekan Tutong</b>	32 25 °C	33 25 °C	31 25 °C
<b>Kuala Belait</b>	32 25 °C	33 26 °C	31 26 °C

Wallahuallam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.met.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 13 DISEMBER 2023

### Hulurkan bantuan, tanpa harapkan balasan

**S**UKARELAWAN, 'Andai Semua Orang Melakukannya' - If Everyone Did telah dipilih menjadi tema Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 yang juga diraikan pada peringkat antarabangsa seperti disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada setiap 5 Disember.

Tema ini memfokuskan kepada usaha-usaha serta tindakan secara kolektif oleh semua lapisan masyarakat, dalam kerja-kerja sukarela mampu memberikan impak yang lebih luas dan mampan khususnya dalam pembangunan masyarakat, bangsa dan negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad dalam perutusan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 menyeru orang ramai untuk sama-sama mempertingkatkan semangat menyumbang kepada masyarakat dengan menghulurkan bantuan, meluahkan masa serta tenaga dengan semangat memberi dan tidak mengharap balasan.

Kepentingan para sukarela juga mendapat pengiktirafan dan sanjungan sejagat di atas peranan dan sumbangan kegiatan-kegiatan sukarelawan itu kepada pembangunan negara, bangsa dan keamanan serantau dan global.

Sumbangan kesukarelawan itu juga dapat membantu membawa perubahan kepada individu melalui transformasi peribadi, kebaikan kepada masyarakat melalui pengukuhan ikatan *fabric social* dan saling mempercayai yang dapat mengangkat imej negara dengan kualiti kehidupan yang tinggi dan rakyat yang sejahtera.

Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan untuk meraikan dan memperingati Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 dengan mengadakan Kempen Hari Bertindak (DOA) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan di mana pelbagai kegiatan berkebakikan serta kesukarelawan diadakan serentak di keempat-empat daerah bermula 10 Disember 2023 hingga 31 Januari 2024.

DOA merupakan salah satu inisiatif berterusan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, melalui Jabatan Belia dan Sukan, dalam rangka meraikan Hari Sukarelawan Antarabangsa. Ia mula diungkuhkan pada tahun 2015 dan bertujuan untuk menggalakkan lagi penglibatan secara aktif semua lapisan masyarakat dalam kerja-kerja sukarela.

Pelbagai aktiviti akan diadakan semasa kempen tersebut. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menyertai pelbagai aktiviti-aktiviti kesukarelawan yang disediakan. Sementara itu, aplikasi Mengalinga, satu platform digital bagi mendaftarkan tawaran program dan kegiatan sukarela dari organisasi-organisasi diseluruh Brunei Darussalam telah merekodkan seramai 3,711 orang sukarelawan, 148 organisasi dan sebanyak 437 projek.

Aktiviti kesukarelawan bukan lagi dilihat sebagai suatu aktiviti pengisi masa lapang, tetapi ia dilihat sebagai suatu wadah bagi menyebarkan semangat perpaduan di antara masyarakat. Jasa dan sumbangan para sukarelawan akan selalu dihargai dan dikenang. Yang penting ialah semangat kesukarelawan perlu terus subur dan bersemangat dalam kalangan generasi muda hari ini dan akan terus maju sehingga menjadi sebahagian daripada budaya hidup kita. - **Ketua Penyuntingan (Na)**

# YLP kukuhkan hubungan istimewa NBD - Singapura



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman dan bergambar bersama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas dan kanan).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

mengalu-alukan kedatangan delegasi dari Singapura untuk Edisi Ke-9 Program Pemimpin-pemimpin Muda (Young Leaders' Programme - YLP), yang merupakan kali pertama TYT Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sebagai ketua delegasi.

Mengimbas kembali ucapan Presiden Tony Tan Keng Yam semasa Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Singapura pada bulan April 2014, baginda menzahirkan keyakinan yang teguh bahawa YLP berperanan dalam mengukuhkan hubungan istimewa antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang telah terjalin sejak zaman paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji



Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan mendiang Mr. Lee Kuan Yew.

Sehubungan itu, Kebawah DYMM merakamkan penghargaan kepada Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, TYT Teo Chee Hean, sejak mengetahui Program Pemimpin-pemimpin Muda Kali Pertama ke Negara Brunei Darussalam dalam tahun 2013, yang mana atas pimpinan bijaksana Tuan Yang Terutama telah menyumbang kepada banyak pencapaian-pencapaiannya.

Baginda dan TYT Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura juga berkongsi pendapat mengenai perkara-perkara strategik dan berkepentingan

bersama khususnya dalam kerjasama yang sedia ada seperti dalam bidang-bidang pertahanan dan keselamatan, perkhidmatan awam dan pembangunan kapasiti melalui pertukaran antara rakyat.

Ini termasuk meneroka kerjasama dalam bidang yang berkaitan dengan pengukuhan kemampanan seperti perubahan iklim dan keselamatan makanan.

Menyertai bersama TYT pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, TYT Teo Chee Hean; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kedua Kewangan dan Menteri Kedua Pembangunan Negara, Puan Yang Terutama Indranee Thurai Rajah; Menteri Negara Kanan,

Kementerian Pertahanan dan Kementerian Tenaga Manusia, TYT Zaqy Mohamad; Menteri Negara Kanan, Kementerian Perhubungan dan Penerangan dan Kementerian Pembangunan Negara, TYT Tan Kiat How; Menteri Negara Kanan, Kementerian Kemampanan dan Sekitaran dan Kementerian Tenaga Manusia, TYT Dr. Koh Poh Koon; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, TYT Laurence Bay Siow Hon.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusuf; dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-9 yang diadakan pada 12 hingga 14 Disember 2023 ini merupakan program pertukaran tahunan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura bagi meningkatkan hubungan dua hala yang telah lama terjalin serta bagi pemimpin-pemimpin pada masa akan datang bertukar-tukar pandangan mengenai kerjasama dua hala, serantau dan pembangunan global. Dihoskan secara bergilir-gilir antara kedua buah negara, kali terakhir program ini diadakan ialah pada tahun 2022 di Republik Singapura.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong berserta rombongan.

# KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap dan bergambar bersama isteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Puan Loo Tze Lui (atas dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin  
 Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti

Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri



Kewangan Republik Singapura, Puan Loo Tze Lui.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Turut hadir ialah isteri kepada Yang Berhormat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Datin Dayang Hajah Kalshom binti Haji Suhaili; isteri kepada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Pengiran Datin

Hajah Noor Yashimah binti Pengiran Anak Haji Hashim; isteri kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Pengiran Datin Hajah Salwana binti Pengiran Haji Ibrahim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semasa berkenan menerima mengadap isteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Puan Loo Tze Lui di Istana Nurul Iman. Turut hadir ialah isteri kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Datin Dayang Hajah Kalshom binti Haji Suhaili; isteri kepada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Pengiran Datin Hajah Noor Yashimah binti Pengiran Anak Haji Hashim; isteri kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Pengiran Datin Hajah Salwana binti Pengiran Haji Ibrahim.

# KOMITED MEMAJUKAN LAGI PROGRAM PEMIMPIN-PEMIMPIN MUDA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui (atas, kanan dan bawah kiri).



Duli Yang Teramat Mulia dan TYT juga mengakui bahawa hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura semakin bertambah kukuh yang akan mencapai 40 tahun pada tahun 2024.

Menyertai bersama TYT pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean; Menteri di JPM, Menteri Kedua Kewangan dan Menteri Kedua Pembangunan Negara, Puan Yang Terutama Indranee Thurai Rajah; Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Zaqy Mohamad; Menteri Negara Kanan, Kementerian Perhubungan dan Penerangan dan Kementerian Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Tan Kiat How; Menteri Negara Kanan, Kementerian Kemampunan dan

Sekitaran dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Dr. Koh Poh Koon dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusoff; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji

Abdul Rashid; Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Selesai Majlis Mengadap berkenaan, DYTM kemudian berkenan menghoskan Majlis Santap Tengah Hari.

DYTM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari bersama TYT Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura dan isteri serta rombongan.

TYT Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura dan isteri serta rombongan berada di negara ini bagi menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-9 yang diadakan pada 12 hingga 14 Disember 2023.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, pagi tadi berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr

Al-Meezan.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik serta ahli kerabat diraja.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Tuan Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura menekankan kembali komitmen kedua-dua buah negara dalam memajukan lagi Program Pemimpin-pemimpin Muda serta menyentuh mengenai kerjasama dua hala antara kedua-dua buah negara yang kukuh dan berterusan, termasuk dalam bidang pertahanan dan keselamatan, sukan, perkhidmatan awam dan pembangunan kapasiti melalui pertukaran antara rakyat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari bersama TYT Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura dan isteri serta rombongan. Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (kanan).



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan bergambar ramai.

# BERANGKAT MELAWAT BRITISH FORCES BRUNEI



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Masri Osman

**SERIA**, Isnin, 11 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat membuat lawatan ke British Forces Brunei (BFB) di Brunei Garrison, Seria hari ini.

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan menaiki pesawat Helikopter Puma Skuadron 230 Tentera Udara Diraja, Angkatan Tentera British telah tiba di Tapak Pendaratan Tuker Lines dan dijunjung oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama John Virgoe; Pemerintah BFB, Leftenan Kolonel Hugo Stanford-Tuck dan Gurkha Major,

Batalion Pertama Royal Gurkha Rifles (1RGR), Mejar Jiwan Pun.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Haji Mohammad Shanonnizam bin Sulaiman dan Penasihat Pertahanan United Kingdom (UK) ke Negara Brunei Darussalam, Kapten Jonathan Caple, Royal Navy (RN).

Setibanya Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Balai Pegawai Tuker Lines



**KEBERANGKATAN** Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dengan menaiki pesawat Helikopter Puma Skuadron 230 Tentera Udara Diraja, Angkatan Tentera British telah tiba di Tapak Pendaratan Tuker Lines (kiri), manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia disembahkan dengan kalungan Maala.

dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda, DYTMM disembahkan dengan kalungan Maala dan berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang diketuai oleh Pegawai Waran 1, Sunil Gurung, Sarjan Mejar Rejimen.

DYTMM kemudiannya dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan Tetamu VVIP dan berkesempatan untuk beramah mesra dengan kakitangan-kakitangan tempatan yang bertugas di BFB sebelum beredar ke Markas BFB tersebut.

Lawatan ke Ibu Pejabat Tuker Lines BFB itu juga, DYTMM disembahkan taklimat mengenai lawatan tersebut oleh Pemerintah

BFB dan Ketua Staf BFB, Mejar Rob Morford.

DYTMM kemudiannya berangkat ke Padang Tembak Jarak 25m Tuker Lines untuk menyaksikan demonstrasi senjata bantuan dan pengesanan yang dikendalikan oleh Pegawai Pemerintah Kompeni Bantu, Batalion Pertama Royal Gurkha Rifles (Support Company 1RGR), Mejar Som Thulung.

DYTMM juga berkenan untuk menembak peluru hidup dengan menggunakan pistol jenis Glock 17 9mm dan setelah itu dijunjung untuk sesi bergambar ramai sebelum berangkat mengadakan lawatan ke Sekolah Hornbill.

**>> Muka 7**



**DULI** Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang diketuai oleh Pegawai Waran 1, Sunil Gurung, Sarjan Mejar Rejimen (atas kiri). Manakala gambar atas, DYTMM dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan Tetamu VVIP. Sementara gambar kiri sekali, DYTMM juga berkenan untuk menembak peluru hidup dengan menggunakan pistol jenis Glock 17 9mm. Manakala gambar kiri, DYTMM berangkat ke Padang Tembak Jarak 25m Tuker Lines untuk menyaksikan demonstrasi senjata bantuan dan pengesanan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung untuk sesi bergambar ramai sebelum berangkat mengadakan lawatan ke Sekolah Hornbill.

**>> Muka 6**

Keberangkatan DYTМ di Sekolah Hornbill dijunjung oleh Guru Besar sekolah itu, Caroline Neal dan seterusnya berkesempatan beramah mesra bersama

para pelajar dan guru sekolah berkenaan. DYTМ disembahkan dengan sehelai selendang daripada salah seorang pelajar sekolah dan seterusnya menyaksikan Persembahan Tarian Kebudayaan kemudian dijunjung

ke dewan bagi menyaksikan sebuah Persembahan Nyanyian berjudul 'A Million Dreams' daripada pelajar Tahun 4, 5 dan 6 sekolah tersebut dan seterusnya berkenan bergambar ramai bersama para pelajar Sekolah Hornbill.

Sebelum mengakhiri siri lawatan tersebut, DYTМ dijunjung berangkat ke Mes Pegawai dan berpeluang untuk beramah mesra dengan ahli-ahli keluarga anggota-anggota BFB dan seterusnya sesi bergambar ramai.

DYTМ juga berkenan menerima pesambah kenang-kenangan

sebelum beredar ke ruang lain bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Setentunya dengan adanya lawatan seumpama ini akan memperkukuhkan dan mengeratkan lagi hubungan dua hala ke arah mempertingkatkan bidang pertahanan kedua-dua buah negara pada masa hadapan.



DYTМ berkesempatan beramah mesra bersama para pelajar dan guru Sekolah Hornbill (atas kiri), manakala gambar atas kanan, DYTМ berkenan menerima pesambah kenang-kenangan.



DYTМ berkenan beramah mesra dengan ahli-ahli keluarga anggota-anggota BFB (atas), manakala gambar kanan, DYTМ berangkat ke ruang lain bagi Majlis Santap Tengah Hari.



# DELEGASI YLP KALI KE-9 DIRAI

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menghoskan Majlis Makan Malam bagi meraikan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui serta rombongan di The Empire Brunei (kiri dan atas).

**JERUDONG,** Selasa, 12 Disember. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, malam tadi menghoskan Majlis Makan Malam bagi meraikan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui serta rombongan yang berada di Negara Brunei Darussalam bagi Lawatan

KERJA sempena Program Pemimpin-pemimpin Muda (Young Leaders' Programme - YLP) Kali Ke-9 yang berlangsung dari 12 hingga 14 Disember 2023.

Majlis Makan Malam tersebut berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei dimulakan dengan sesi bergambar ramai sebelum beredar ke dewan makan.

Juga hadir semasa Majlis Makan Malam tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shahrhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berserta isteri masing-masing.

Rombongan Delegasi Utama Republik Singapura yang turut hadir ialah Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras Keselamatan Negara Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean; Menteri di JPM, Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Pembangunan Negara Kedua, Puan Yang

Terutama Indranee Thurai Rajah; Menteri Negara Kanan, Kementerian Kemampunan dan Sekitaran dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Dr. Koh Poh Koon; Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Zaqq Mohamad; dan Menteri Negara Kanan, Kementerian Perhubungan dan Penerangan dan Kementerian Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Tan Kiat How.

Sambil menikmati hidangan, para tetamu turut disajikan dengan persembahan daripada Kumpulan Sinandung Budaya yang mendendangkan paluan

Gulingtangan diiringi dengan irama muzik lagu-lagu tradisional Brunei.

Setentunya di sepanjang Lawatan Kerja TYT Lawrence Wong ini merupakan peluang bagi Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura memperkukuhkan lagi hubungan yang erat dan kerjasama dalam pelbagai bidang di antara kedua-dua buah negara.

Keakraban akan terus berkembang apabila NBD dan Republik Singapura yang akan meraikan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik Ke-40, pada tahun hadapan.

## BKISHHB tumpuan lawatan TYT Lawrence Wong dan isteri, rombongan



**SEKITAR** lawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui berserta rombongan ke BKISHHB (kiri dan bawah kanan). Manakala gambar atas, TYT menerima senaskhah buku mengenai BKISHHB daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

diakhiri dengan lawatan ke Makmal Pengurusan Konservasi Bahan dan Artifak.

BKISHHB dirasmikan pada 12 Oktober 2019 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

BKISHHB merupakan sebuah institusi yang menyimpan dan mempamerkan khazanah warisan Islam yang sangat berharga serta berperanan dalam menjalankan aktiviti pengumpulan, penyelidikan, pengkajian, pengembangan dan penyebaran maklumat dan ilmu-ilmu Islam.



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Disember - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) turut menjadi salah satu tumpuan lawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui berserta rombongan, yang berada di negara ini bagi Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-9.

Rombongan juga disertai oleh Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras Keselamatan Negara Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Menteri Kewangan (Kedua) dan Menteri Pembangunan Negara (Kedua), Puan Yang Terutama Indranee Thurai Rajah; Menteri Negara Kanan, Kementerian

Kemampunan dan Sekitaran dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Dr. Koh Poh Koon; Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Zaqq Mohamad; serta Menteri Negara Kanan, Kementerian Perhubungan dan Penerangan dan Kementerian Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Tan Kiat How.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Lawrence Wong serta rombongan dialu-alukan oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB.

Turut hadir mengalu-alukan kehadiran rombongan ialah


Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB dan Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Lawatan tersebut dimulakan dengan taklimat ringkas daripada Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, diikuti dengan penandatanganan lembaran kenangan oleh Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

Tuan Yang Terutama Lawrence Wong juga menerima senaskah buku mengenai BKISHHB daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebelum beredar ke galeri-galeri pameran.

Rombongan seterusnya beredar ke galeri pameran BKISHHB dan

# KETIBAAN TIMBALAN PM DAN MENTERI KEWANGAN REPUBLIK SINGAPURA, ROMBONGAN



**TIMBALAN Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui serta rombongan tiba di Negara Brunei Darussalam bagi Lawatan Kerja (kiri dan bawah kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura.**



**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Disember.** - Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Puan Loo Tze Lui serta rombongan, tiba di Negara Brunei Darussalam bagi Lawatan Kerja selama tiga hari bermula pada 12 hingga 14 Disember 2023.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Pengiran Datin; dan Timbalan Menteri (Urustadhir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Menyertai rombongan Tuan Yang Terutama Lawrence Wong ialah Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras Keselamatan Negara Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean; Menteri di JPM, Menteri Kewangan (Kedua) dan Menteri Pembangunan Negara (Kedua), Puan Yang Terutama Indranee Thurai Rajah; Menteri Negara Kanan, Kementerian Kemampunan dan Sekitaran dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Dr. Koh Poh Koon; Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan

Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Zaqy Mohamad; dan Menteri Negara Kanan, Kementerian Perhubungan dan Penerangan dan Kementerian Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Tan Kiat How.

Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri serta rombongan berada di Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda Kali Ke-9, yang mana pada tahun ini adalah giliran Negara Brunei Darussalam menjadi hos kepada program tersebut.

## Situasi jangkitan ILI, COVID-19 terkawal

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Disember.** - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan semasa situasi jangkitan *influenza-like illness* (ILI) dan COVID-19 di mana pada masa ini, tren jangkitan masih menunjukkan peningkatan.

Walau bagaimanapun, keadaan jangkitan ILI dan COVID-19 adalah terkawal dan tidak membebankan perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Setakat 10 Disember 2023, sebanyak lapan kes dikategorikan dalam Kategori 4 dan sedang menjalani pemantauan di hospital; tidak ada kes di dalam Kategori 5 dan memerlukan rawatan penjagaan intensif. Majoriti kes-kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada masa ini adalah dari varian Omicron dan sub-variannya.

Sama seperti jangkitan ILI yang mana pada lazimnya akan meningkat secara bermusim, peningkatan jangkitan COVID-19

juga didapati bermusim. Selain itu, kekebalan imuniti yang diperoleh melalui vaksinasi juga menurun dan menyebabkan lebih mudah dijangkiti virus SARS-CoV-2 semula.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk sentiasa mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika batuk dan bersin yang betul, memakai sungkup muka jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.

Mendapatkan vaksinasi influenza dan vaksinasi COVID-19 yang dilengkapi dengan dos penggalak, khususnya bagi mereka yang berisiko tinggi seperti warga emas, mereka yang mempunyai penyakit kronik dan ibu-ibu yang mengandung.

Sementara itu, orang ramai yang telah mendapatkan dos

terakhir COVID-19 lebih dari enam bulan yang lalu atau terakhir dijangkiti SARS-CoV-2 melebihi enam bulan adalah juga digalakkan untuk mendapatkan dos penggalak COVID-19. Ini adalah untuk mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 yang teruk.

Mendapatkan rawatan doktor dengan segera jika mengalami tanda-tanda jangkitan yang berpanjangan atau jika tanda-tanda jangkitan menjadi semakin teruk; dan Memakai sungkup muka apabila pergi untuk mendapatkan rawatan terutamanya di Klinik Flu dan Jabatan Kemalangan dan Kecemasan serta jika melawat pesakit di wad-wad.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi ini dan akan memaklumkan apa jua perkembangan mengenainya dari masa ke masa.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 ataupun melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn).

**Jangan Memandu ketika mengantuk**

**Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA**

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

# Bila Bermula Rukhshah Sembahyang Qasar dan Jamak?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**ISLAM** memberikan *rukhsah* (keringanan) kepada orang-orang yang dalam *safar* untuk melakukan sembahyang fardhu secara qasar jika jarak perjalanan ke tempat yang hendak dituju mencapai 2 *marhalah* iaitu kira-kira 89.04 kilometer. Qasar ialah memendekkan sembahyang fardhu empat raka'at seperti Zuhur, Asar dan Isya kepada dua raka'at. Keharusan melakukan sembahyang secara qasar bagi orang yang dalam *safar* ini adalah berdasarkan firman Allah Ta'ala:

**Tafsirnya:** *Dan apabila kamu bermusafir di muka bumi maka bukanlah suatu dosa ke atas kamu mengqasarkan (memendekkan) sembahyang.*

(Surah an-Nisa: 101)

Selain itu, mereka juga diharuskan melakukan sembahyang fardhu secara jamak iaitu dengan menghimpunkan dua sembahyang fardhu dalam satu waktu, sama ada secara jamak taqdim iaitu menghimpunkan Zuhur dan Asar pada waktu Zuhur atau menghimpunkan Maghrib dan Isya pada waktu Maghrib atau secara jamak ta'akhir iaitu menghimpunkan Zuhur dan Asar pada waktu Asar atau menghimpunkan Maghrib dan Isya pada waktu Isya. Imam al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam kitab *Hasyiah al-Bujairimi 'ala al-Khathib* menyebut:

**Ertinya:** *Dan harus bagi orang musafir (dalam) pelayaran yang (membolehkan) qasar sembahyang untuk menjamak dua sembahyang iaitu Zuhur dan Asar, pada salah satu waktu antara keduanya yang dia kehendaki (sama ada secara) taqdim atau ta'akhir dan menjamak dua sembahyang iaitu Maghrib dan Isya pada salah satu waktu antara keduanya yang dia kehendaki (sama ada secara) taqdim atau ta'akhir.*

Sembahyang qasar dan jamak itu hanya harus dilakukan dari bermula *safar* sebagaimana yang dinyatakan oleh as-Sayyid Muhammad Abdullah al-Jurdani *Rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-'Allam*, katanya:

**Ertinya:** *Harus bagi orang musafir dari permulaan safarnya, apabila ia safar yang panjang dengan (jarak) dua marhalah atau lebih (pelayaran) yang diharuskan iaitu (pelayaran) yang dibolehkan kerana tujuan berkaitan ugama seperti (melaksanakan) haji atau (kerana tujuan) berkaitan duniawi seperti berniaga, untuk dia mengqasar sembahyang empat rakaat dari (sembahyang fardhu) yang lima, iaitu Zuhur, Asar dan Isya dengan melakukannya dua raka'at jika sembahyang itu tunai (bukan sembahyang yang luput ketika muqim).*

Menyebut mengenai "permulaan safar" yang mengharuskan sembahyang secara qasar dan jamak ini, timbul kekeliruan di kalangan orang awam mengenai bila bermulanya *rukhsah* mengerjakan sembahyang qasar dan jamak. Adakah ia bermula di rumah atau sebaik sahaja keluar rumah atau setelah sampai perjalanan 2 *marhalah* atau sebaik sahaja dia melewati perbatasan kampung tempat tinggalnya?

## Permulaan Safar

Dalam kitab *Syarah Musykil al-Wasith*, Imam Ibn ash-Shalah *Rahimahullah* menyatakan bahawa *safar* itu dikira bermula apabila seorang musafir keluar dari tempat kediamannya yang tetap atau tempat tinggalnya sebagaimana katanya:

**Ertinya:** *Adapun permulaan (safar) ialah keluar dari tempat kediaman yang tetap atau tempat tinggal.*

Menurut Imam al-Ghazali *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Wasith fi al-Madzhah*, tempat tinggal yang menurut Imam Ibn ash-Shalah *Rahimahullah* termasuk kediaman yang tetap, terbahagi kepada tiga iaitu bandar, kampung dan *shahra'* (padang pasir).

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab *al-Minhaj*, permulaan *safar* bagi

orang yang menetap atau tinggal di bandar ialah melewati perbatasannya sebagaimana katanya:

**Ertinya:** *Dan sesiapa yang belayar dari bandar, maka permulaan safarnya (ialah) melewati perbatasannya (bandar itu).*

Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* menjelaskan perkataan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di atas dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* pula menyatakan bahawa orang yang belayar dari bandar yang mempunyai perbatasan, maka permulaan *safar* dikira setelah melewati perbatasan yang dikhususkan bagi bandar itu.

Manakala bandar yang tidak mempunyai perbatasan khusus pula, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan:

**Ertinya:** *Sekiranya ia tidak mempunyai perbatasan, maka permulaannya (safar) ialah melewati bangunan, bukan (melewati) bangunan yang tidak didiami atau kebun-kebun.*

Menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* lagi, sekiranya bandar itu tidak mempunyai perbatasan atau tempat laluan itu tidak mempunyai perbatasan atau ada perbatasan namun perbatasan itu bukan khusus untuk bandar seperti perbatasan yang menghimpunkan kampung-kampung yang ada dalam bandar atau berhampiran dengannya, maka permulaan *safar* dikira setelah melewati bangunan atau rumah kediaman terakhir sekalipun ia diselangi oleh sungai, kebun-kebun dan bangunan yang tidak didiami.

Manakala permulaan *safar* bagi orang yang menetap atau tinggal di kampung samalah seperti permulaan *safar* bagi orang yang menetap atau tinggal di bandar sebagaimana disebut oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah*:

**Ertinya:** *Dan (pengiraan perbatasan) kampung adalah seperti (pengiraan perbatasan) bandar.*

Sekiranya dua kampung itu berdekatan menurut 'urf dan bersambung antara satu dengan yang lain serta tidak ada perbatasan antara keduanya, maka hukumnya adalah seperti satu kampung walaupun berbeza namanya. Permulaan *safar* itu adalah setelah melewati kedua-dua kampung tersebut. Akan tetapi sekiranya dua kampung berdekatan itu tidak bersambung antara satu dengan yang lain walaupun pemisahan itu sedikit, maka permulaan *safar* adalah setelah melewati mana-mana kampung berkenaan.

Bagi orang yang menetap atau tinggal di *shahra'* seperti suku Badwi yang tinggal di padang pasir, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menyebut:

**Ertinya:** *Dan permulaan safar orang yang tinggal di perkhemahan (adalah dengan) melewati hillah.*

*Hillah* ialah binaan atau tempat yang digunakan oleh orang yang tinggal di perkhemahan tersebut untuk berkumpul di malam hari. Maksud melewati *hillah* ialah melewati binaan tersebut dan tempat-tempat yang ada di sekitarnya seperti tempat kanak-kanak bermain, tempat unggun api, tempat unta berehat dan sebagainya.

Berdasarkan penjelasan di atas, maka dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kategori penentuan permulaan *safar* boleh dibahagikan kepada tiga iaitu bandar, pekan dan kampung. Penjelasan sebagai berikut:

### 1. Bandar

Bandar Seri Begawan merupakan ibu negeri bagi Negara Brunei Darussalam. Bandar tersebut mempunyai sempadan khusus yang merangkumi kampung-kampung dan mukim-mukim sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. Menurut penjelasan di atas, jika tempat itu ialah bandar, maka permulaan *safar* dikira setelah melewati sempadan bandar tersebut. Maka permulaan *safar* bagi orang-orang yang tinggal di Bandar Seri Begawan termasuk kampung dan mukim yang ada di dalamnya ialah setelah melewati sempadan Bandar Seri

Begawan.

Sebagai contoh: Permulaan *safar* bagi orang di Kampong Pulaie yang hendak pergi ke Miri ialah sebaik sahaja melewati sempadan Bandar Seri Begawan kerana Kampong Pulaie termasuk dalam Bandar Seri Begawan. Ini bermakna dia tidak boleh melakukan sembahyang qasar dan jamak selagi belum melewati sempadan Bandar Seri Begawan.

### 2. Pekan

Pekan termasuk dalam istilah bandar (*بلدة*). Di Negara Brunei Darussalam terdapat beberapa buah pekan seperti Pekan Muara, Pekan Kuala Belait, Pekan Seria, Pekan Tutong dan Pekan Bangar. Pekan-pekan ini mempunyai sempadannya yang khusus. Maka permulaan *safar* bagi orang-orang yang tinggal di pekan tersebut ialah setelah melewati sempadan pekan berkenaan.

Sebagai contoh: Permulaan *safar* bagi orang yang tinggal di kawasan perumahan Jalan Lorong Satu Barat yang hendak pergi ke Kota Kinabalu ialah sebaik sahaja melewati sempadan Pekan Seria. Ini bermakna dia tidak boleh melakukan sembahyang qasar dan jamak selagi belum melewati sempadan Pekan Seria.

Contoh lain: Orang yang tinggal di Kampong Petani yang hendak pergi ke Kuching, permulaan *safar* baginya ialah sebaik sahaja melewati sempadan Pekan Tutong.

### 3. Kampung

Kategori kampung di sini bermaksud kampung-kampung yang berada di luar sempadan Bandar Seri Begawan dan sempadan pekan-pekan. Maka permulaan *safar* bagi orang-orang yang tinggal di kampung tersebut ialah sebaik sahaja melewati sempadan kampung berkenaan.


Sebagai contoh: Orang yang tinggal di Kampong Tanah Jambu yang hendak pergi ke Miri, permulaan *safar* baginya ialah sebaik sahaja melewati sempadan Kampong Tanah Jambu. Ini bermakna dia tidak boleh melakukan sembahyang qasar dan jamak selagi belum melewati sempadan Kampong Tanah Jambu.

Contoh lain: Orang yang tinggal di Kampong Selapon yang hendak pergi ke Kota Kinabalu, permulaan *safar* baginya ialah sebaik sahaja melewati sempadan Kampong Selapon.

Contoh-contoh di atas adalah contoh melewati sempadan melalui jalan darat. Adapun *safar* seseorang yang melalui jalan air atau jalan udara, yang tempatnya berlepas, sama ada pantai atau tebing tasik atau tebing sungai, terletak di dalam bandar, pekan atau kampung tempat tinggalnya, maka permulaan *safar* baginya adalah seperti berikut:

a. Jika kapal atau perahu yang dinaiki itu bergerak menyusuri pantai, tasik atau sungai yang terletak di dalam bandar, pekan atau kampung tempat tinggalnya, maka permulaan *safar* baginya ialah sebaik sahaja kapal yang dinaikinya melewati tempat yang sejajar atau selari dengan sempadan bandar, pekan atau kampung tempat tinggalnya.

Sebagai contoh: Orang yang tinggal di Bandar Seri Begawan yang menggunakan


 IRSYAD HUKUM  
 جاتان في كل خان  
 جاتان في كل خان  
 Jabatan Mufti Kerajaan  
 Jabatan Perdana Menteri  
 Negara Brunei Darussalam  
 Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)  
 E-mail : [fatwa@mufti.gov.bn](mailto:fatwa@mufti.gov.bn) - [info@mufti.gov.bn](mailto:info@mufti.gov.bn)

perahu untuk keluar bermusafir dengan menyusuri sungai yang terletak di dalam Bandar Seri Begawan, maka permulaan *safar* baginya bermula setelah perahu yang dinaikinya itu melewati tempat yang sejajar atau selari dengan sempadan Bandar Seri Begawan. Ini bermakna dia tidak boleh melakukan sembahyang qasar dan jamak selagi belum melewati tempat yang sejajar atau selari dengan sempadan Bandar Seri Begawan.

Begitulah juga kedudukan *safar* melalui udara, yang tempatnya berlepas terletak di dalam bandar, pekan atau kampung tempat tinggalnya, maka permulaan *safar* baginya ialah sebaik sahaja kapal terbang yang dinaikinya melewati tempat yang sejajar atau selari dengan sempadan bandar, pekan atau kampung tempat tinggalnya.

Sebagai contoh: Orang yang tinggal di Bandar Seri Begawan yang menggunakan kapal terbang untuk keluar bermusafir, maka permulaan *safar* baginya ialah sebaik sahaja kapal terbang yang dinaiki melewati kedudukannya yang sejajar atau selari dengan sempadan Bandar Seri Begawan.

b. Jika kapal atau perahu yang dinaikinya bergerak bukan secara menyusuri pantai, tasik atau sungai, tetapi ia bergerak dari pantai ke tengah laut atau dari tebing tasik ke tengah tasik atau dari tebing sungai ke tengah sungai, maka permulaan *safar* baginya ialah sebaik sahaja kapal yang dinaikinya bergerak meninggalkan pantai, tebing tasik atau sungai tempat tinggalnya atau sebaik sahaja perahu yang berulung-alik menuju ke kapal bergerak meninggalkan pantai, tebing tasik atau tebing sungai tempat tinggalnya buat kali terakhir.

Sebagai contoh: Orang yang tinggal di sebuah kampung yang terletak di tepi pantai yang menggunakan kapal untuk keluar bermusafir dengan perjalanan menuju ke tengah laut, maka permulaan *safar* baginya ialah sebaik sahaja kapal yang dinaikinya bergerak meninggalkan pantai tempat tinggalnya. Jika kapal yang dinaikinya itu belum bergerak kerana masih berlabuh, maka *safar* baginya masih belum bermula.

Demikian penjelasan mengenai bila bermula *rukhsah* sembahyang qasar dan jamak.

**MENURUT asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* lagi, sekiranya bandar itu tidak mempunyai perbatasan atau tempat laluan itu tidak mempunyai perbatasan atau ada perbatasan namun perbatasan itu bukan khusus untuk bandar seperti perbatasan yang menghimpunkan kampung-kampung yang ada dalam bandar atau berhampiran dengannya, maka permulaan safar dikira setelah melewati bangunan atau rumah kediaman terakhir sekalipun ia diselangi oleh sungai, kebun-kebun dan bangunan yang tidak didiami.**

# MEMPERKUKUH BUDAYA, ETIKA KERJA BERKUALITI, CEMERLANG



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap.**

## >> Muka 1

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham dalam ucapannya menjelaskan di antara usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk terus

meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ialah melalui perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang terbaik.

"Salah satu kaedah yang membolehkan ia tercapai adalah dengan memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan di tahap yang terbaik dan membuahkan suasana persekitaran yang kondusif dan menyenangkan bagi semua terutamanya para pesakit, pelawat serta petugas.

Kepuasan hati pelanggan perlu sentiasa diberi penekanan di dalam industri penjagaan perubatan dan kesihatan, di mana perkhidmatan pelanggan yang cemerlang bermula dengan perspektif *customer-centric* iaitu pelanggan sebagai golongan yang diutamakan.

Dalam perkara ini, petugas-petugas barisan hadapan; daripada penyambut-penyambut tetamu di kaunter-kaunter hospital atau pusat-pusat kesihatan, sehinggalah kepada doktor-doktor yang merawat kesemuanya memainkan peranan penting dalam memastikan penyediaan perkhidmatan pelanggan yang

cemerlang," tegas Yang Berhormat Dato.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan kualiti perkhidmatan boleh diukur dalam pelbagai cara, termasuk layanan kepada pesakit, hasil klinikal dan keselamatan serta persekitaran yang kondusif untuk pemulihan.

Dalam memantapkan dan mengukuhkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan serta imej profesional kementerian ini, pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan di antaranya menerapkan penggunaan teknologi mudah alih iaitu aplikasi MOHcares 2.0 yang telah dilancarkan pada 18 April 2023 yang bertujuan untuk memudahkan orang ramai memberikan maklum balas, penghargaan atau cadangan bagi sebarang perkhidmatan atau apa jua perihal yang berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan di Kementerian Kesihatan, khususnya di hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik, ujar Yang Berhormat lagi.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan Program Latihan Perkhidmatan Pelanggan bagi pegawai dan kakitangan barisan hadapan (*frontliners*) pada 12 September 2023, dan inisiatif seumpama ini akan diteruskan lagi dengan melantik konsultan untuk melaksanakan kursus Customer Service Relation (CSR) dan menyediakan Situational Analysis Report bagi memenuhi piawaian profesional dengan menyediakan pemedulian yang tulus kepada pesakit dan keluarga, meningkatkan kepuashatian pelanggan, meningkatkan kemahiran komunikasi, memperbaiki kualiti perkhidmatan yang sedia ada, meningkatkan kerja berpasukan, memupuk budaya *customer-centric*, memperkukuh budaya dan etika kerja yang berkualiti serta menambahbaik produktiviti kerja

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

dan komunikasi dalam organisasi.

Di samping itu, Situational Analysis yang dilaksanakan di beberapa pusat kesihatan yang terpilih sebelum kursus bermula juga telah dapat mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki, ujar Yang Berhormat lagi.

"Fokus Program Latihan Perkhidmatan Pelanggan ini dibahagikan kepada dua sub-program iaitu yang pertama, Fundamental Customer Service, bertujuan untuk memberikan para peserta pengetahuan dan kemahiran asas dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan kedua Call Handling dan Phone Etiquette, adalah merupakan program yang dikhususkan kepada pengendali-pengendali panggilan telefon, di mana modul program akan menyentuh mengenai kemahiran komunikasi dan pengendalian panggilan-panggilan seperti panggilan kecemasan.

Setakat ini, seramai 203 warga kesihatan telah mengikuti program latihan ini," terang Yang Berhormat lagi.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan penyampaian taklimat

mengenai dapatan Kaji Selidik CSR oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Pengiran Hajah Juliyamah binti Pengiran Haji Omar Alli; tayangan Video CSR; dan penyampaian taklimat bagi Standard Response for Customer Care oleh Pegawai Perhubungan Awam Kanan, Dayang Athirah Fakhriah binti Haji Awang Yussof.

Sesi Dialog Awam ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan tentang kepentingan pemberian perkhidmatan pelanggan (*customer service*) yang terbaik semasa memberikan layanan kepada pelanggan dan pesakit-pesakit.

Ia juga bertujuan untuk memberikan landasan (platform) kepada warga kementerian untuk mengongsikan sebarang pertanyaan atau maklum balas untuk sama-sama memperbaiki perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai.

Sesi Dialog Awam ini juga diadakan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong di sepanjang bulan ini.

■ **SALAH** satu kaedah yang membolehkan ia tercapai adalah dengan memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan di tahap yang terbaik dan membuahkan suasana persekitaran yang kondusif dan menyenangkan.

■ **KEPUASAN** hati pelanggan perlu sentiasa diberi penekanan di dalam industri penjagaan perubatan dan kesihatan.

■ **KUALITI** perkhidmatan boleh diukur dalam pelbagai cara, termasuk layanan kepada pesakit, hasil klinikal dan keselamatan serta persekitaran yang kondusif untuk pemulihan.

■ **APLIKASI** MOHcares 2.0 telah dilancarkan pada 18 April 2023 yang bertujuan untuk memudahkan orang ramai memberikan maklum balas.

■ **SESI** Dialog Awam ini diadakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan tentang kepentingan pemberian perkhidmatan pelanggan yang terbaik semasa memberikan layanan kepada pelanggan dan pesakit-pesakit.



ANTARA yang hadir pada Sesi Dialog Awam berkenaan.

## Hati yang baik dan bersih

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسه دعوه اسلاميه

**M**EMILIKI hati yang bersih, sihat dan selamat merupakan dambaan setiap umat Islam. Ia sudah tentu memberi implikasi yang baik terutama kepada ketenangan jiwa dan tingkah laku seseorang sehinggalah individu tersebut mampu melahirkan dan menzahirkan amalan-amalan yang soleh. Hati dan jiwa turut menjadi tenang dalam menjalani kehidupan dan tidak sesekali menyalahkan takdir serta sentiasa bersyukur ketika mendapat nikmat, bukannya bersikap sombong malahan ia akan bersabar ketika ditimpa ujian ataupun musibah.

Untuk memiliki hati yang bersih, sihat dan selamat, kita hendaklah menjaga dua perkara iaitu menjaga hubungan antara manusia dengan Penciptanya iaitu Allah Subhanahu Wata'ala dan juga menjaga hubungan silaturahim antara manusia dengan manusia. Ini kerana hati yang baik akan dapat membentuk pemikiran dan melahirkan tindakan yang baik dalam hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan sesama manusia.

Menjaga hubungan antara manusia dengan Allah bermaksud kita hendaklah

mengikuti segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan semua larangan-Nya serta sentiasa mendekati diri kepada-Nya supaya kita tergolong dalam golongan hamba-hamba-Nya yang mendapat petunjuk dan rahmat daripada-Nya.

Sementara menjaga hubungan manusia dengan manusia pula ialah dengan menjaga hubungan silaturahim dengan berbuat baik kepada kaum kerabat, saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat handai. Salah satu jalan untuk kita menuju syurga Allah adalah dengan cara saling tolong-menolong dalam perkara berkebaikan, bersopan santun dan sentiasa ber manis muka.

Selain itu, sentiasa berbakti kepada kedua ibu bapa, sentiasa mengambil berat akan keadaan mereka, menghormati dan mentaati mereka selama mana tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan undang-undang. Sesungguhnya kebaktian yang kita curahkan akan mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.

Dengan memiliki akhlak yang baik setentunya akan memiliki hati yang baik yang akan menghiasi diri seseorang supaya menjadi seorang mukmin yang sejati. Ini kerana tingkah laku atau perbuatan (akhlak) manusia mempunyai hubungan yang erat dengan sifat dan pembawaan dalam hati mereka.

Di antara ciri-ciri akhlak yang sewajarnya dimiliki oleh seseorang ialah akhlak mahmudah seperti bersifat warak, memelihara diri dari melakukan perkara-perkara syubhah, memelihara penglihatan, memelihara lidah daripada mengumpat, bersifat pemalu, bersifat lembut dan sabar, bersifat benar dan jujur, bersifat rendah diri, menjauhi prasangka buruk, pemaaf dan tidak ber dendam.

Sebagai seorang mukmin, kita dituntut beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana ia merupakan tunjang kehidupan. Beriman kepada Allah akan membawa kita kepada memiliki hati yang bersih yang pastinya akan membawa kepada kebaikan dan pengakhiran hidup yang membahagiakan.

Justeru itu, iman perlu dipelihara, dibajai dan disirami dengan zikir-zikir mengingati Allah, melaksanakan ibadat fardhu dengan sempurna, memperbanyakkan sembahyang-sembahyang sunat, qiamullail, membaca Al-Quran, memperbanyakkan amal kebajikan dan meninggalkan segala larangan Allah. Melalui amalan-amalan ini juga jiwa atau hati akan sentiasa terpelihara dengan baik.

Di samping itu, kita juga disarankan mendalami ilmu-ilmu keagamaan kerana ilmu merupakan pedoman hidup. Pelajarilah ilmu mengenal sifat Allah Subhanahu

Wata'ala, memahami cara beribadat, mengetahui akhlak yang baik untuk akidah dan peribadi seseorang Islam di samping bersungguh-sungguh menuntut ilmu lain untuk kehidupan dan kemajuan umat.

Doa adalah senjata orang mukmin dan berperanan dalam menjadikan jiwa tenang. Kita sewajarnya sentiasa memanjatkan doa agar hati sentiasa bersih dan terpelihara dari sebarang kerosakan, kemungkar dan kemaksiatan. Bermohon dan berdoalah kepada-Nya kerana Allah Maha Mendengar setiap doa yang dipohonkan. Justeru, mohonlah pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengamalkan doa-doa yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Akhir sekali, sebagai hamba Allah sudah pasti tidak terlepas daripada melakukan kesilapan, dosa dan maksiat kerana inilah hakikat dan lumrah seorang manusia yang penuh dengan kekurangan, kelemahan dan ketidaksempurnaan.

Bertauballah daripada kekufuran, kesyirikan, sifat nifaq dan segala dosa kemungkar dengan cara meninggalkannya, menyesalinya dan berazam untuk tidak melakukannya lagi. Sesungguhnya, hanya taubat nasuha sebagai pembersih segala dosa.

# دعاء موهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ

أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ.

وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا

يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي

كُلِّ مَكَانِ الْبَلَاءِ وَالْوَبَاءِ وَالطَّعْنِ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرِ الْأَمْرَاضِ

وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مبابوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapakan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN DAERAH  
TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI**

**KETUA KAMPUNG TINGKAT I  
PMKK.3  
(BND2,270 - BND4,240)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT II  
PMKK.2  
(BND1,990 - BND2,970)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT III  
PMKK.1  
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

**DAERAH TUTONG**

1. Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong
2. Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Mukim Kiudang
3. Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin
4. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
5. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai
6. Kampung Layong, Mukim Lamunin
7. Kampung Merimbun, Mukim Rambai

**Tatacara Menghadapkan  
Borang Pencalonan :**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung  
Jabatan Daerah Tutong  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup** mengembalikan borang pencalonan adalah pada Sabtu, 13 Januari 2024, jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491.



**KOLEJ UNIVERSITI  
PERGURUAN UGAMA SERI  
BEGAWAN**

Iklan Jawatan Kosong Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

1. **Jawatan :**  
Penyelia Asrama Tingkat III

2. **Bahagian :**  
IV

3. **Tangga Gaji :**  
D.3-4 EB.5-6  
(BND900 - BND1,785 Sebulan)

4. **Kekosongan Jawatan :**  
1 Kekosongan

**Tarikh Iklan :**  
11 Disember 2023

**Tarikh Tutup Iklan :**  
30 Disember 2023

**Rujukan Iklan :**  
KUPU SB / PJW / 13-15 / 24-1B



**KOLEJ UNIVERSITI  
PERGURUAN UGAMA SERI  
BEGAWAN**

Iklan Jawatan Kosong Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

1. **Jawatan :**  
Penolong Pensyarah (PT1)

2. **Bahagian :** II

3. **Tangga Gaji :**  
PT1 (BND2,905 - BND3,000 -  
BND3,095 - BND3,190)

4. **Kekosongan Jawatan :**  
4 kekosongan

5. **Bidang :**  
Pendidikan

**Tarikh Iklan :**  
11 Disember 2023

**Tarikh Tutup Iklan :**  
30 Disember 2023

**Rujukan Iklan :**  
KUPU SB / PJW / 13-15 / 24-1A



**KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran :**  
Request For Information (RFI):  
Smart Public Transport  
and Mobility System  
for Brunei Darussalam :  
Smart Transport System  
(STS)

**Tarikh Tutup Menghantar  
Tawaran :**  
Khamis,  
1 Februari 2024,  
sebelum  
2.00 Petang.

**Request For Information (RFI) :**  
Smart Public Transport  
and Mobility System  
for Brunei Darussalam:  
Smart Transport System  
(STS)



**KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga :**  
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 09  
/ 2023 - 2024

**Tajuk Sebut Harga :**  
Kerja-Kerja Pemeliharaan  
dan  
Membaik Pulih Atap Bangunan  
Kementerian Sumber-Sumber  
Utama dan Pelancongan.

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Khamis,  
28 Disember 2023,  
Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat :**  
Rabu,  
20 Disember 2023,  
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga :**  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)



**JABATAN  
PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**  
ANS / 2023 / SH-9  
"Pembekalan Kelengkapan Bagi  
Kesejahteraan dan Keperluan  
Pegawai dan Kakitangan di  
Bangunan ATSC, Jabatan  
Penerbangan Awam"

**Tarikh Iklan / Mengambil  
Dokumen Sebut Harga :**  
13 Disember 2023, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Sebut Harga :**  
19 Disember 2023,  
Selasa.



**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
20 Disember 2023,  
Rabu.  
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada :**  
Pengerusi Jawatankuasa  
Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan BB2513  
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

Perkhidmatan Mesin Layan  
Sendiri (Vending Machines)  
Di Bangunan-Bangunan  
Jabatan Kerajaan Daerah Belait  
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran :**  
JDB / BMP / 5.1 / S



**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Tidak lewat  
Selasa,  
16 Januari 2024  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**  
BBS / BPE / TI / 2023 - 6

**Keterangan Tawaran :**  
Penyewaan Ruang-Ruang  
Perniagaan Bangunan  
Pasarneka Kuala Belait  
dan  
Kompleks Sri Selera Di Bawah  
Kawalan Jabatan Bandaran  
Kuala Belait dan Setia

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Tidak lewat

Selasa,  
26 Disember 2023  
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran :**  
Request For Information (RFI):  
Smart Public Transport and  
Mobility System for Brunei  
Darussalam: Core Bus Network  
Services (CBNS)

**Tarikh Tutup Menghantar  
Tawaran :**  
Khamis,  
1 Februari 2024,  
sebelum 2.00 Petang.

**Request For Information (RFI) :**  
Smart Public Transport  
and Mobility System  
for Brunei Darussalam :  
Core Bus Network  
Services (CBNS)





**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**1. Bilangan Tawaran :**  
KK / 263 / 2023 / SSBH (TC)

**Keterangan :**  
To Supply and Deliver 2% Formaldehyde Solution For Central Sterile Supplies Department (CSSD), Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00

**2. Bilangan Tawaran :**  
KK / 264 / 2023 / LAB (TC)

**Keterangan :**  
To Supply and Deliver Bone Marrow Needles For National Haematology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00

**3. Bilangan Tawaran :**  
KK / 265 / 2023 / LAB (TC)

**Keterangan :**  
To Supply and Deliver Immunology Allergy Test Kit With Provision Of Analyser For Immunology Laboratory Section, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran :**  
BND100.00

**Tarikh Tutup :**  
26 Disember 2023.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**UNISSA / SB0056 / 2023 / 2024 :**  
To Supply, Delivery And Installation Of Equipments For Herbal Research Laboratory, Sinaut Campus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) [Phase 1]

**UNISSA / SB0057 / 2023 / 2024 :**  
To Replace, Supply And Install New Carpet Tiles For Office Corridors At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**Tarikh Tutup :**  
Tidak lewat Rabu, 27 Disember 2023  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**  
JDBM / Q / 58 / 2023

**Tajuk Tawaran :**  
Kerja-Kerja Mengganti Lantai Pentas Dan Kerosakan Tandas Dalam Dewan Kemasyarakatan RPN Lambak Kanan CC1, Mukim Berakas 'B', Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran :**  
JDBM / Q / 59 / 2023

**Tajuk Tawaran :**  
Kerja-Kerja Membekal dan Memasang Alat Perlindungan Kilat Bertempat Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas dan Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu Serta Mengganti Lampu Led Bertempat Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran :**  
JDBM / Q / 60 / 2023

**Tajuk Tawaran :**  
Membekal dan Memasang Kekili Hos dan Membaik Pulih Peralatan Penjana Kuasa Kebakaran Bertempat Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran :**  
JDBM / Q / 61 / 2023

**Tajuk Tawaran :**  
Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Keseluruhan Tingkat dan Dinding Luar Bangunan Baharu, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup :**  
Tidak lewat Selasa, 26 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**  
JBBSB / LTK / 2023 - 2024 / 05 / UPA

**Nama Tawaran :**  
Two Years Term Contract Daily Cleaning Of Tamu Kianggeh Complex and Surrounding Areas (1 Jun 2024 Until 31 Mei 2026)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 26 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran Sebut Harga :**  
MOFE / UPAH / T / 2023 - 1

**Tajuk Tawaran Sebut Harga :**  
Projek Menaik Taraf Sistem Closed Circuit Televisyen (CCTV) Bagi Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Yuran Tawaran / Dokumen :**  
BND30.00 bagi Yuran Tawaran  
BND5.00 bagi Yuran e-dokumen

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Selasa, 26 Disember 2023.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran :**  
18 / KKBS / HK40 - 2024

**Tajuk Tawaran :**  
Supply and Install Heavy Duty and Waterproof PVC Canvas to Cover Football Field Area At Stadium Negara Hassanal Bolkiah In Conjunction With 40th National Day Of Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**  
Tidak lewat Selasa, 26 Disember 2023.  
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Sebut Harga :**  
(124) INFO / PK / K7

(2023 / 2024)

**Tajuk Sebut Harga :**  
Baucar Alai Pintar

**Yuran :**  
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, (26 Disember 2023),  
Jam 8.30 Pagi.



**PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400**  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.


**MAHKAMAH BESAR  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

Di dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.**  
**BCY / CP / 236 / 2023**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyan

**SAHRIN BIN ABDUL GHAPAR**  
(BYIC No. 00-253924)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 Disember 2023**.

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui :**

**SAHRIN BIN ABDUL GHAPAR**  
No. 16,  
Simpang 18-5, Jalan Nenas Paun,  
STKRJ Kampung Katok 'B',  
Gadong BE1918,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
**25 November 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**  
**9 Disember 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **7 Disember 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 26 Februari 2024, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 Februari 2024, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**  
**9 Disember 2023**

**NUUROR-RAHEEBAH BINTI HAJI  
ABD WAHAB**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**Kes No.**  
**BCY / CP / 189 / 2022**

**BAIDURI BANK SENDIRIAN  
BERHAD**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyan

**WAN MUHAMAD SYAZWAN  
BIN MOHAMAD HIJAZI**  
(BYIC No. 01-006690)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 November 2023**.

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui :**

**WAN MUHAMAD SYAZWAN  
BIN MOHAMAD HIJAZI**  
No. 6, Spg. 342-22-14-6,  
STKRJ Kg. Tungku,  
Gadong BE2519,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
**12 Oktober 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**  
**7 Disember 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **25 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 8 April 2024, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 April 2024, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**  
**7 Disember 2023**

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**Kes No.**  
**BCY / CP / 538 / 2011**

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyan

**PG. HJ. JULAIHI  
BIN PG. HJ. AHMAD**  
(BYIC No. 00-068998)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 November 2023**.

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui :**

**PG. HJ. JULAIHI  
BIN PG. HJ. AHMAD**  
No. 12, Simpang 759,  
Kg. Tasek Maradun,  
Jalan Tutong, BF1520,  
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**  
**24 Januari 2012**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**  
**6 Disember 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk**

**Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 November 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 1 April 2024, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **1 April 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**  
**6 Disember 2023**

**Kes No. BCY / CP / 289 / 2005**

**HSBC FINANCE (B) BERHAD**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyan

**SAPIAH BINTI SULAIMAN**  
(BYIC No. 00-065245)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 30 November 2006 telah dibatalkan pada **18 November 2023**.

**Nama Penghutang :**  
**SAPIAH BINTI SULAIMAN**

**Alamat Penghutang :**  
No. 15, Lot 44255,  
Spg. 57-10, Jln. 64,  
Kg. Perpindahan Lambak Kanan,  
Jln. Berakas BC3115,  
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**  
**6 Disember 2023**

**Kes No. BCY / CP / 557 / 2017**

**PERBADANAN TABUNG  
AMANAH ISLAM BRUNEI**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyan

**DADY SANTI SUMARNI  
BINTI METASSAN**  
(BYIC No. 00-277745)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 3 Februari 2018 telah dibatalkan pada **18 November 2023**.

**Nama Penghutang :**  
**DADY SANTI SUMARNI  
BINTI METASSAN**

**Alamat Penghutang :**  
No. 75, Spg. 69,  
Jln. Sungai Carana,  
RPN. Kg. Panchor,  
Mengkuabau,  
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**  
**6 Disember 2023**

**Kes No. BCY / CP / 71 / 2009**

**BAIDURI BANK SENDIRIAN  
BERHAD**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyan

**MOHAMMAD FARIZ  
BIN ABDULLAH BANDANG**  
(BYIC No. 00-256042)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 4 Mac 2010 telah dibatalkan pada **4 Mac 2010**.

**Nama Penghutang :**  
**MOHAMMAD FARIZ  
BIN ABDULLAH BANDANG**

**Alamat Penghutang :**  
No. 12, Simpang 166,  
Kg. Batang Mitus,  
Tutong TE2543  
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**  
**25 November 2023**

**Kes No. BCY / CP / 453 / 2008**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyan

**SATIA BINTI HAJI TAHIR**  
(BYIC No. 00-114272)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 20 Jun 2009 telah dibatalkan pada **26 Oktober 2023**.

**Nama Penghutang :**  
**SATIA BINTI HAJI TAHIR**

**Alamat Penghutang :**  
No. 19,  
Spg. 286-30-55-3,  
RPN. Kg. Lumut,  
Mukim Liang KC3135,  
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**  
**6 Disember 2023**

**HAJAH NORMAZDINA  
BINTI HAJI MD. MASKUB**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
B/P Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

# PAMERAN 'SENI UNTUK SEMUA' KETENGAHKAN HASIL KREATIF GOLONGAN OKU

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Azmah Haji Ahad



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS hadir selaku tetamu kehormat pada perasmian Pameran 'Seni Untuk Semua' sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya 2023. Manakala gambar bawah kanan, tetamu kehormat semasa menyaksikan pameran tersebut.

## >> Muka 1

Sensori bermaksud deria. Deria manusia terdiri daripada tujuh bahagian iaitu sentuhan (*tactile*), penglihatan (*visual*), pendengaran (*auditory*), menghidu pelbagai bau (*olfactory*), merasa (*gustatory*), keseimbangan (*vestibular*) dan rasa kedudukan (*proprioceptive*). "Bagi golongan OKU, deria adalah sesuatu yang penting

kerana kita semua maklum bahawa kesemua jenis deria berfungsi selaku pemberi maklumat," katanya.

Justeru terangnya, pameran ini adalah benar-benar istimewa untuk diraikan kerana kita bukan sahaja dapat menyaksikan beberapa karya seni yang luar biasa tetapi juga kitani sama-sama memberi sokongan padu kepada artis-artis seni di kalangan golongan OKU.

Selain itu tambahnya untuk membuka pola pemikiran ataupun *mindset* masyarakat bahawa walaupun terdapat keterbatasan masing-masing, seseorang individu OKU boleh menghasilkan seni karya yang sangat kreatif dan bernilai tinggi yang wajar untuk dihargai setiap lapisan masyarakat.

"Dalam masa yang sama, Pameran 'Seni Untuk Semua' ini diharap akan membuka ruang untuk OKU diberi peluang bagi sama-sama menyumbang kepada ekonomi dalam sektor industri kreatif dengan penghasilan karya dan produk yang kreatif dan inovatif," ujarnya.

Pameran tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Mereka Mencipta (*They Create*) iaitu di ruangan pertama pameran mengandungi hasil tangan karya OKU yang memberi inspirasi dan mempunyai imaginasi dan ekspresi tersendiri.

Seterusnya ialah Rasa Mereka (*Their Feelings*) iaitu di ruangan kedua yang berupa lorong yang menentengahkan secubit rasa yang dirasakan oleh mereka yang kurang upaya dalam menangani emosi dan tumpuan.

Manakala ruangan yang ketiga

pula adalah ruangan Inspirasi Kami (*Our Inspiration*) yang menentengahkan karya yang diolah semula dan diinspirasi dari karya sebenar artis OKU yang ada di sini.

Pameran tersebut merupakan satu wadah bagi mempamerkan hasil seni kreatif OKU, dan ianya adalah kolaborasi gabungan hasil kreatif dari Pusat Bahagia di keempat-empat daerah, Sekolah Menengah Lambak Kiri, Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait dan persatuan-persatuan seperti Pusat Ehsan Al-Ameerah Al Hajjah Maryam, Society for Management of Autism Related Issues in Training, Education and

Resources (SMARTER), La Vida dan Paralympic Council Brunei Darussalam (PCBD), dan Sukarelawan Brunei.

Antara objektif pameran 'Seni Untuk Semua' diadakan adalah bagi menjadikan seni sebagai wadah untuk memberikan peluang dan hak kesaksamaan dalam persada seni bagi OKU.

Selain bagi mewujudkan persekitaran yang merangsang golongan OKU untuk bergiat dalam seni, ia juga bagi menggalakkan integrasi sosial OKU serta meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kelainan keupayaan dan meningkatkan penghargaan atas hasil karya seni dan bakat orang kelainan upaya.

Pameran 'Seni Untuk Semua' berlangsung bermula hari ini sehingga 27 Disember 2023, dan orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir bagi menyaksikan pameran seni berkenaan.



# BIBD Aspirasi 6 dilancarkan



SIDANG Media mengenai Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Aspirasi 6 yang berlangsung di Ibu Pejabat, BIBD (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Disember. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengumumkan bahawa BIBD Aspirasi 6 dijangka menawarkan lebih banyak ganjaran, dengan peluang yang lebih baik untuk menang bagi pelanggan tetapnya.



Berita dan Foto :  
Nur Izzah Razali

Kempen tersebut bukan sahaja mempermudah para pelanggan untuk simpanan jangka masa panjang, tetapi juga memainkan peranan penting dalam menggalakkan lebih ramai orang untuk melabur secara proaktif untuk masa depan mereka.

"Kami sangat teruja untuk melancarkan BIBD Aspirasi 6, bukti komitmen berterusan BIBD untuk menggalakkan budaya menabung dan kesejahteraan kewangan di Negara Brunei Darussalam," kata Ketua Kejuruteraan Produk, Kumpulan Perbankan Runcit BIBD, Lim Pea Chia pada Sidang Media yang diadakan di Ibu Pejabat BIBD.

Objektif kami adalah untuk terus berupaya, menjadikan simpanan lebih mudah dan bermanfaat untuk semua orang kerana mereka menerima kepentingan menyimpan dan meningkatkan kestabilan kewangan secara konsisten untuk masa depan mereka," ujar beliau.

"Kempen ini bertujuan untuk menyuntik semangat dan motivasi ke dalam proses itu, dengan memberi ganjaran kepada pelanggan atas komitmen mereka untuk menabung. Melalui program ini, kami ingin mempromosikan pendekatan pengurusan kewangan yang lebih berdisiplin. BIBD Aspirasi bukan sekadar menawarkan hadiah tetapi juga memperkasakan pelanggan atau penyimpan kami, untuk terus menabung demi mencapai impian dan matlamat kewangan mereka.

"Kami percaya bahawa setiap orang berhak mendapat peluang, untuk membina masa depan kewangan yang terjamin dan BIBD

## TATACARA MENDAFTAR PROFIL PSCR 2.0

سوروهنجاي فرخدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

- 01 Layari laman sesawang PSCR 2.0 di [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN) dan klik LOG MASUK
- 02 Log masuk menggunakan akaun e-darussalam
- 03 Cipta PSC TOKEN awda bagi tujuan keselamatan dan pastikan klik SIMPAN
- 04 Klik Dashboard Saya dan Kemaskini profil awda sehingga indikasi dashboard bar menunjukkan 100%

Aspirasi adalah langkah penting ke arah itu," jelas Ketua Promosi dan Kempen, Kumpulan Perbankan Runcit BIBD, Ahmad Firdaus Salim.

Sejak dimulakan pada 1 September 2018, BIBD Aspirasi telah memberi ganjaran sejumlah BND4.23 juta hadiah wang tunai, menjadikannya sebagai kempen paling lama dan paling berjaya pernah dianjurkan oleh BIBD.

Sebagai menghargai para pelanggan, BIBD dengan

sukacitanya mengumumkan bahawa hadiah utama kini akan dikongsi oleh dua pemenang bertuah, masing-masing menerima hadiah berupa wang tunai bernilai BND200,000.

Dengan adanya Aspirasi tersebut bukan sahaja menyokong pelanggan, ia juga menambah nilai kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi negara sebagai peluang untuk melabur simpanan mereka semasa menyertai program tersebut.

## PROGRAM PERKONGSIAN MAKLUMAT BERSAMA NDMC



PROGRAM Perkongsian Maklumat bersama NDMC, diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, selaku wakil Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK) (atas kiri). Manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, sekitar program yang mengambil tempat di NDMC, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Disember. - Pada meningkatkan lagi hubungan baik dan mengukuhkan rangkaian kerja di antara pegawai-pegawai dan pengamal perhubungan awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, pagi tadi diadakan Program Perkongsian Maklumat bersama Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), bertempat di NDMC, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Seramai 30 orang pegawai dan pengamal perhubungan awam yang mewakili pelbagai kementerian menyertai program diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, selaku wakil Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan (JPAKK

& JJK).

Rombongan dialu-alukan oleh Pengarah Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kol. (B) Muhd. Harith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin dan pegawai-pegawai kanan NDMC.

Dalam ucapannya, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan berharap melalui Program Perkongsian Maklumat ini dapat mengeratkan lagi kerjasama di antara pegawai-pegawai dan pengamal-pengamal perhubungan awam di kementerian-kementerian dengan pihak NDMC dan berkongsi amalan terbaik berkaitan dengan perhubungan awam.

Taklimat mengenai Pengurusan Bencana di Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Pegawai Projek (i-Ready), Dayang Ainaa Zafirah binti Haji Abdul Manap, dari Bahagian Perancangan dan Analisa.

Beliau antara lain menyentuh

mengenai misi pusat tersebut sebagai pusat koordinasi yang kompeten dalam pengurusan bencana sementara visinya pula membina masyarakat yang berdaya tahan demi kesejahteraan negara.

Rombongan juga berpeluang melawat ke Pusat Perintah Bencana (Disaster Command Centre). Rombongan juga diberikan taklimat mengenai peranan dan fungsi Pusat Perintah Bencana dan mekanisme pengurusan operasi bencana yang digunakan untuk mengkoordinasikan pelbagai agensi di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa yang disampaikan oleh Penolong Penguasa Bomba dan Penyelamat, Awang Muhammad Sahdan bin Abdullah Sungkai.

Rombongan turut diberikan penerangan mengenai proses permohonan dan penderahan tenaga manusia serta aset daripada pelbagai agensi yang mendukung



membantu operasi kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan semasa bencana.

JPAKK & JJK ditubuhkan pada 8 Mac 1997. Jabatan Penerangan sebagai Urus Setia yang berperanan untuk memastikan matlamat utama penubuhannya dapat dilaksanakan dengan teratur

dalam usaha untuk mengukuh, menandai dan memberikan respons kepada orang awam secara proaktif dan telus mengenai dasar, matlamat, fungsi dan tanggungjawab serta peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan untuk diketahui oleh orang ramai.

## 8 ahli pengakap ditauliah keahlian ISVG



Siaran Akhbar dan Foto : International Scout Volunteer Group

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Disember. - Seramai lapan orang Pengakap Negara Brunei Darussalam telah ditauliahkan keahlian selaku International Scout Volunteer Group (ISVG) pada acara yang berlangsung di salah sebuah hotel di ibu negara.

Mereka yang menerima pengiktirafan Ahli ISVG terdiri daripada Ketua Pesuruhjaya Brunei Darussalam ISVG Patrol,

Awang Haji Janaidi bin Haji Gunong; Timbalan Ketua Pesuruhjaya Brunei Darussalam ISVG Patrol, Mejar (B) Idris bin OKMB Haji Othman; Pesuruhjaya Brunei Darussalam ISVG Patrol, Awang Haji Mohd. Sufian bin Haji Abdul Karim; Timbalan Pesuruhjaya Brunei Darussalam ISVG Patrol, Awang Haji Mohd. Khairul Anuar bin PP Haji Mohd. Salleh; Pengarah Brunei

Darussalam ISVG Patrol, Pengiran Dr. Haji Mohamed bin Pengiran Damit; Timbalan Pengarah Brunei Darussalam ISVG Patrol, Awang Haji Ariffin bin Haji Sulaiman; Setiausaha Brunei Darussalam ISVG Patrol, Dayang Khartina binti Mohd. Hamir; dan Ahli Eksekutif Brunei Darussalam ISVG Patrol, Awang Haji Abdul Nuin bin Hassan.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Awang Haji Janaidi, dengan mengalu-alukan kehadiran

PENTAULIAHAN keahlian selaku International Scout Volunteer Group (ISVG) yang berlangsung di salah sebuah hotel di ibu negara.

ISVG President, Dr. Dikpal Keshari Baidya dari Toronto, Kanada yang menghadiri Jambori Kebangsaan Ke-5 yang merupakan salah seorang Ahli Invitational Programme.

Antara lain dalam ucapannya menyentuh mengenai ISVG, sebagai sebuah organisasi pengakap profesional yang bernaung di bawah United Nation. Ia ditubuhkan pada tahun 2020 semasa dunia dilanda oleh krisis COVID-19.

ISVG yang pada awalnya dipelopori oleh beberapa orang pengakap dari tujuh buah negara iaitu Dr. Dikpal Keshari Baidya dari Kanada, Dr. Vinuthaput Popet dari Thailand, Mr. Raul Hernandez dari Amerika Syarikat, Ms. Vida Kotarac dari Serbia, Mr. Mounir Chaoui dari Tunisia, Mr. Ashraf Osman Nsr dari Egypt, dan Mr. Shige Takahashi dari Jepun.

Sehingga kini, sebanyak 73 buah negara telahpun diterima sebagai ahli ISVG termasuk Negara Brunei Darussalam pada 8 Mac 2022.

ISVG Brunei Darussalam komited dalam memberi sumbangan di peringkat antarabangsa bersama rakan

negara lain, dalam mendukung objektif meningkatkan pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat di bidang kepengakapan.

Negara Brunei Darussalam telah pun diundang selaku nara sumber dalam sesi perkongsian Peranan Sukarelawan Pengakap dalam Operasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Melalui aplikasi Zoom, ISVG berjaya menjana semula pembelajaran sepanjang hayat, berkongsi pengetahuan dan pengalaman pengakap secara tradisional antara satu sama lain. Setelah itu mekanisme pembelajaran bertukar menjadi persidangan dalam talian, mengenai subjek-subjek yang diminati untuk pengakap seluruh dunia.

Hari ini ISVG diberi mandat melalui visinya, bagi mempromosikan sukarelawan pengakap untuk menjadi agen perubahan dalam komuniti tempatan mereka, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa berdasarkan persediaan dan undang-undang Pengakap.

Di akhir acara, penganugerahan pingat kebesaran 'Founder President ISVG' telah disempurnakan oleh Dr. Dikpal Keshari Baidya kepada Awang Haji Janaidi.

Acara penyerahan sijil-sijil keahlian dan penganugerahan pingat kebesaran ISVG diakhiri dengan bacaan doa oleh Awang Haji Abdul Nuin.

PELITA BRUNEI, Rabu 4 Desember, 1963.

MUKA 5

# Timbalan Menteri Besar Brunei

## MERASMIKAN PEMBUKAAN PAIP2 BEKALAN AYER

KAMPONG SUNGAI TERABAN. — Timbalan Menteri Besar, Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah merasmikan pembukaan paip2 bekalan ayer di-Kampung Sungai Teraban Daerah Belait pada pagi hari Isnin 2 Desember.

### PENGELOLA RANCHANGAN MELAYU B. B. C. MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Inche Stuart Sim, Pengelola Ranchangan Melayu di-British Broadcasting Corporation, London telah tiba di-Brunei dari Kuching pada petang 30 November yang lalu.

Beliau telah di-sambut di-Lapangan Terbang Brunei oleh Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

### PERTEMUAN

Semasa berada di-negeri ini, Inche Sim telah mengadakan pertemuan dengan Pegawai2 di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, berkenaan dengan Ranchangan2 B.B.C. London yang Radio Brunei sentiasa menyiarkan.

Inche Sim telah berlepas ka-Jessellton dengan kapal terbang pada hari Isnin 2 Desember.

### PEPEREKSAAN2

#### DARJAH2

#### TINGGI UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Seramai 1,074 orang murid2 di-jangka memasuki Peperiksaan2 Darjah2 Tinggi Ugama, ia-itu Darjah2 Empat, Lima dan Enam, di-seluruh Negeri Brunei selama 3 hari mulai dari 9 Desember.

Demikian menurut keterangan Penyusun dan Pengelola Sekolah2 Ugama, Sa-Negeri Brunei, Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan dalam satu wawancara di-antara beliau dengan sa-orang Wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Menurut penerangan Tuan Haji Abdul Kadir, Peperiksaan2 Darjah2 Rendah Ugama di-seluruh Negeri Brunei, telah pun selesai di-adakan selama tiga hari dari 24 November yang lalu.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, beberapa orang Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei dan Pegawai2 Kerajaan ia-lah di-antara ramai orang yang hadir di-majlis tersebut.

Bekalan ayer yang julong2 kali dapat di-nikmati oleh seluruh anak2 Kampung Teraban telah mula di-usahakan sejak dalam bulan November tahun lepas. Usaha tersebut telah memakan belanja sa-banyak \$65,000.00.

Kampung tersebut ada-lah mengandungi sa-banyak 99 buah rumah dengan penduduk2-nya sa-ramai 500 orang.

Bekalan ayer itu di-buat dengan memakai saluran paip yang di-seberangkan di-bawah per-


mukan Sungai Kuala Belait dari Pekan Kuala Belait. Lebar sungai itu ia-lah kira2 10 rantai.

Sa-lain dari 9 kepala2 paip yang di-tempatkan di-sepanjang jalan2 yang melalui kampung itu ada juga antara anak2 kampung mempunyai paip bersendirian dengan menaikannya ka-rumah2 mereka.

Sa-banyak 10 buah kepala paip untuk kegunaan bomba juga telah di-pasang tidak berjauhan dengan kepala2 paip di-sepanjang jalan tersebut.

Dengan ada-nya bekalan ayer yang sempurna di-kampung itu, maka terhinder-lah anak2 kampung dari kerap kali kekurangan ayer minum, istimewa pula pada musim kemarau.

Dahulu-nya penduduk2 di-sini hanya berharap beka'an ayer hujan untuk di-gunakan bagi masak-memasak dan menchuchi pakaian. Mereka terpaksa-lah berkayoh menyeberangi sungai itu untuk mendapatkan bekalan ayer di-Pekan Kuala Belait pada masa hujan tidak turun.



Satu pemandangan Kampung Sungai Teraban, Daerah Belait. Dalam gambar ini kelihatan sa-buah paip bekalan ayer yang baharu di-bena di-kampung itu.

## Jurutulis Parlimen Inggeris Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Jurutulis Dewan Parlimen Inggeris, Inche Charles Gordon telah melawat ka-Negeri Brunei dalam bulan November yang lalu.

Inche Gordon berkata kepada sa-orang Wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei bahawa tujuan lawatannya ka-Negeri Brunei ia-lah untuk mengetahui perkara2 yang Dewan Parlimen Inggeris dapat memberikan kepada Majlis Meshuarat Negeri Brunei.

Seterus-nya beliau berkata bahawa kemudahan2 latehan untuk kakitangan2 Majlis2 Meshuarat Negara2 Komonwealth boleh didapati di-London.

Inche Gordon menerangkan lagi bahawa beliau telah melawat ka-Kuala Lumpur sa-belum melawat ka-Negeri Brunei.

Pada masa lawatannya ka-Kuala Lumpur, tegas-nya, beliau telah menghadiahkan sa-buah Kerusi Speaker bagi pehak Dewan Parlimen Inggeris kepada Dewan Parlimen Malaysia.

## Ka-Manila

BERAKAS. — Pegawai Kesehatan Brunei, Doktor Francisco Mayor telah berlepas ka-Manila dengan kapal terbang dari Brunei pada petang 25 November untuk menghadiri Persidangan Menchegah dan Mengawal Penyakit Yang Berjangkit.

Persidangan tersebut di-adakan di-bawah anjoran Pertubuhan Kesehatan Sa-Dunia mulai daripada 2 Desember hingga ka-13 Desember.

## Malam Seni Dan Budaya Maktab S.O.A.S. Dan S.T.P.R.I.

BANDAR BRUNEI. — Badan Seni dan Budaya Kebangsaan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei akan mempersembahkan "Malam Seni dan Budaya" di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam 13 dan 14 Desember, untuk mengutip derma Badan Seni dan Budaya tersebut dan juga sa-bagai satu Persekolahan tahun ini.

Malam Seni dan Budaya Kebangsaan tersebut akan merupakan satu persembahan istimewa yang di-usahakan oleh penuntut2 Maktab S.O.A.S. dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

### "CHINCHIN BELAH ROTAN"

Di-antara acara2 yang akan di-persembahkan di-temasha tersebut ia-lah sa-buah Drama Masyarakat bertajuk "Chinchin Belah Rotan", ia-itu hasil karya Inche Abdul Rashid Aziz, sa-orang Penarah Bahasa Melayu di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Sa-lain dari itu nyanyian2 suka-ramai, tarian2 berchorak kebudayaan berbagai2 bangsa,

lawak jenaka dan lain2 acara akan di-persembahkan di-temasha tersebut.

Persembahan untuk malam pertama, ia-itu malam 13 Desember di-khaskan untuk kanak2 sekolah di-seluruh Negeri Brunei. Temasha itu di-mulai pada pukul 7 malam.

Bayaran masuk untuk menonton temasha tersebut pada malam 13 Desember ia-lah lima puluh sen bagi sa-orang kanak2 sekolah.

Pada malam 14 Desember pula, temasha tersebut di-buka kepada orang ramai dan di-mulai pada pukul 7.30 malam. Bayaran2 tiket untuk menonton temasha itu pada malam 14 Desember ia-lah Kelas Khas \$1.50

dan Kelas Satu \$1 bagi sa-orang.

Tiket2 tersebut boleh-lah didapati daripada Bendahari Badan Seni dan Budaya Kebangsaan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Inche M. Shariff Naweh d/a Pejabat Pengetua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin bila2 masa hari bekerja atau pun daripada murid2 Maktab S.O.A.S. dan S.T.P.R.I. yang akan menjual tiket2 itu di-merata2 tempat.

## Ka-Singapura

BERAKAS. — Pegawai Kewangan Negeri Brunei, Yang Berhormat Inche John Lee telah berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang dari Brunei pada petang hari Selasa 26 November, 1963 untuk menghadiri Persidangan Lembaga Pengarah Sharikat Penerbangan Borneo Berhad.

Persidangan itu telah di-adakan di-Singapura pada hari Rabu 27 November.



Rencana dan Foto : Nur Izzah Razali

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**RASUAH** adalah perbuatan atau tindakan yang menyalahi undang-undang apabila ia dilakukan bertujuan untuk mendapatkan pertolongan dengan cara pemerasan dan keuntungannya adalah untuk diri sendiri. Rasuah merupakan penyalahgunaan kuasa dan jalan pintas untuk menikmati hidup mewah atau dengan erti kata yang lain ingin menjadi kaya dalam masa yang singkat.

Kebiasaannya orang yang melakukan budaya ini tidak memikirkan kesan buruknya dan hanya memikirkan keuntungan untuk diri sendiri.

Hari Anti Rasuah Antarabangsa yang disambut setiap tahun pada 9 Disember adalah bagi memperingati tarikh deklarasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Menentang Rasuah (UNCAC) yang mana tarikh ini sangat penting kerana ia menandakan pencapaian negara-negara ahli dalam pelaksanaan undang-undang antarabangsa pertama menentang rasuah.

UNCAC merupakan satu instrumen anti rasuah antarabangsa yang sah di mana ia menyediakan peluang unik dalam memberikan tindak balas global pada satu masalah global. Sebanyak 188 negara telah menjadi ahli kepada UNCAC sejak konvensyen ini mula berkuat kuasa pada Disember 2005 sehingga September 2023. Konvensyen ini pertama kali diterima pakai oleh Perhimpunan Agung PBB pada Disember 2003 di Merida, Mexico dan ia juga adalah satu rangka kerja global yang pertama untuk menyelaraskan usaha-usaha anti rasuah antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi negara ahli kepada konvensyen tersebut dan telah menandatangani konvensyen berkenaan pada 11 Disember 2003 bersama 95 buah negara lain di Merida, Mexico dan pada 2 Disember 2008, Negara Brunei Darussalam telah meratifikasikannya.

#### Objektif Hari Anti Rasuah Antarabangsa

Dengan tema Hari Anti Rasuah Antarabangsa tahun ini, UNCAC pada 2023 : Menyatukan Dunia Menentang Rasuah, Objektif Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa ini antara lain untuk

meningkatkan kesedaran mengenai gejala jenayah rasuah dan peranan konvensyen dalam menentang dan mencegah rasuah.

Dengan mencegah rasuah, pembangunan negara ke arah ekonomi dan politik yang stabil, keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dapat dicapai. Ke arah ini semua masyarakat perlu berganding bahu memainkan peranan masing-masing dari pelbagai latar belakang dan umur lapisan masyarakat.

#### Usaha mencegah rasuah

Usaha pencegahan dan menentang rasuah juga perlu dilaratkan kepada penyediaan platform atau media, di mana orang ramai boleh memainkan peranan mereka dalam menyalurkan sebarang maklumat dan informasi tentang jenayah rasuah. Di samping itu, UNCAC turut menekankan tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan polisi *whistle blower protection* yang berkesan bagi melindungi pelapor dan langkah ini juga menyumbang ke arah institusi yang efektif, bertanggungjawab, telus, berintegriti dan adil.

#### Biro Mencegah Rasuah

Dalam usaha mencegah berlakunya kegiatan rasuah, Biro Mencegah Rasuah (BMR) Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan pada 1 Februari 1982 selepas pengubalan Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981 pada 1 Januari 1982. BMR adalah sebuah agensi penguat kuasa undang-undang yang bertanggungjawab dalam menangani kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 di Negara Brunei Darussalam.

Apabila Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, Perintah Darurat Pencegahan Rasuah telah ditukar kepada Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131. Penubuhan BMR ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan amat mengambil berat dan serius tentang jenayah rasuah agar tidak berleluasa di Negara Brunei Darussalam.

Tugas membanteras dan mencegah rasuah bukanlah satu tugas yang mudah dan

ianya sangat mencabar tapi bukanlah penghalang kepada orang ramai untuk bersama-sama BMR dalam membanteras dan mencegah rasuah. BMR percaya bahawa dengan adanya kerjasama dan penglibatan orang ramai, ianya boleh membantu pelaksanaan tugas membanteras dan mencegah rasuah dengan lebih berkesan lagi.

BMR adalah penguat kuasa undang-undang yang telah diamanahkan oleh kerajaan untuk menyiasat kesalahan-kesalahan rasuah seperti terkandung di bawah Akta Pencegahan Rasuah Penggal 131. BMR juga telah dimandatkan untuk melaksanakan langkah-langkah pencegahan rasuah melalui kedua-dua fungsi ini.

#### Inisiatif Program Training of Trainers

Usaha-usaha yang telah dibuat bagi menyebarkan kesedaran dan meningkatkan kefahaman orang ramai tentang jenayah rasuah telah dilaksanakan melalui inisiatif tambahan dengan memperkenalkan Program Training of Trainers. Program ini bertujuan bagi mengenal pasti bidang yang berisiko, yang terdedah pada gejala rasuah di kementerian dan agensi masing-masing dan tindakan susulan akan dapat diambil dengan segera.

Program tersebut juga akan membuat pekerja awam dan swasta yang dilantik dapat menjadi jambatan penghubung di antara organisasi masing-masing bersama BMR dalam membantu menangani isu *governance*, integriti dan anti rasuah secara menyeluruh serta membudayakan ketelusan dan akauntabiliti.

#### Peranan masyarakat bebas rasuah

Masyarakat atau sektor awam di negara ini juga diseru untuk sama-sama membanteras rasuah di negara ini dengan menjalankan peranan sebagai rakyat yang mendukung hasrat kerajaan menjadikan Negara Brunei Darussalam bebas daripada rasuah. Dengan ini masyarakat dapat mengamalkan budaya kerja berintegriti, mematuhi peraturan dan undang-undang, tidak terlibat dengan rasuah dan melaporkan rasuah.

#### Pendapat masyarakat terhadap rasuah

1. Suatu perbuatan yang keji, ketidakadilan dan penganiayaan.
2. Rasuah tidak baik untuk semua masyarakat. Malah ia merugikan negara.
3. Rasuah mesti dicegah supaya bebas dari penyalahgunaan kuasa bagi pihak yang tidak bertanggungjawab.
4. Rasuah satu perbuatan / suapan yang diberikan dan diterima dengan cara yang bertentangan dengan hukum. Ianya boleh merosakkan kehidupan dan keharmonian berkeluarga serta menjejaskan ekonomi sesebuah negara juga bertentangan serta dilarang dalam Islam.
5. Rasuah perbuatan salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi.

#### Punca utama individu itu mengambil rasuah

1. Kemampuan untuk melakukan rasuah, peluang yang ada di depan mata. Seseorang itu cenderung melakukan rasuah apabila beliau melihat 'jalan' untuk melakukannya, dengan risiko rendah untuk ditangkap.
2. Cepat mendapat kemewahan.
3. Tamak disebabkan mata sudah dikaburi dengan wang ringgit atau janji-janji manis.
4. Disebabkan tekanan ekonomi kehidupan keluarga dan pendapatan terlalu rendah atau sikap tamak.

#### Penutup

Sebagai umat Islam, kita hendaklah menghindari diri daripada perbuatan rasuah. Allah Subhanahu Wata'ala melarang perbuatan rasuah kerana ia boleh, menutup mulut manusia, mengotorkan jiwa yang bersih, membuka pintu rahsia, menjadikan orang yang ikhlas itu khianat dan membenarkan sesuatu yang salah dan menyalahkan sesuatu yang benar.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menegaskan dalam Surah Al-Baqarah menerusi ayat 188 yang tafsirnya : "Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)".

## OPERASI KELINGA : 2 KESALAHAN DIKESAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Brunei Muara bersama Cawangan Belait telah mengendalikan Operasi Kelinga 253/2023.

SERIA, Isnin, 11 Disember. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Brunei Muara bersama Cawangan Belait telah mengendalikan Operasi Kelinga 253/2023 di kawasan Jalan Pangsa, Seria pada 7 Disember 2023 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan. Pemeriksaan yang telah dijalankan di Jalan Pangsa, Seria telah mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 39(1) Gagal membayar gaji pekerja dalam masa tempoh tujuh hari selepas kitaran gaji dan Bab 82 Gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas.

Bagi kesalahan tersebut, jika didapati, majikan boleh dikenakan

denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya. Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

## Kenali Bahasa Brunei

Bajurit bermaksud

1 bersepah, berserak, atau berselerak.

Contoh pemakaian kata : bisdurang mamutik uras **bajurit** atu.

2 menyepahkan atau menyerakkan.

Contoh pemakaian kata : pandai kamu ani **bajurit** naindah, baik tah kamu panyap tu.

Kabulilahan bermaksud berperangai tidak senonoh, biasanya kanak-kanak.

Contoh pemakaian kata : luan **kabulilahan** jua ulahnya anak atu ih, abis-abis kana ucap tah indung inda mangajar.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

## Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohammad Rosland

## Sayur Labu Tumis Kampung Sungai Tilong

Bahan-bahannya :

- 1 mangkuk labu kuning - potong dadu
- 1/2 genggam ikan bilis
- 3 biji bawang merah
- seulas bawang putih
- 3 biji lada merah - dihiris
- sedikit belacan
- garam, gula dan perasa secukupnya

• sedikit air

• sedikit minyak masak

Cara Memasaknya :

- Tumbuk bawang merah, bawang putih dan ikan bilis agak lumat, ketepikan
- Panaskan sedikit minyak dan tumiskan bahan-bahan yang ditumbuk tadi bersama

belacan. Masukkan cili merah yang telah dihiris tadi. Kacau hingga pecah minyak

- Tambahkan garam, gula dan perasa secukupnya. Kacau lagi. Masukkan labu kuning dan sedikit air. Kacau dan tutup kual seketika
- Bila labu kuning empuk, bolehlah ditutup api dan sedia untuk dihidangkan

كمتريڤن كصحتين  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

### Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

**Faktor Risiko:**

- ✗ Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- ✗ Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Pernah menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Berat badan yang berlebihan.
- ✗ Merokok.
- ✗ Tidak aktif.
- ✗ Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- ✗ Meminum minuman keras yang berlebihan.

**Langkah Pencegahan:**

- ✗ Tidak merokok.
- ✗ Meningkatkan aktiviti fizikal.
- ✗ Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- ✗ Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.
- ✗ Elakkan meminum minuman keras.

**Tanda-tanda kanser kolorektal:**

- ✗ Perubahan dalam pergerakan usus.
- ✗ Darah dalam najis.
- ✗ Sakit perut yang berpanjangan.
- ✗ Kembang perut.
- ✗ Kurang selera makan.

Stesen Rias Air

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

# BUAT PILIHAN LEBIH BIJAK, TERAPKAN NILAI MURNI



TETAMU kehormat semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Disember. - Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Latihan Kemahiran Hidup (LESTARI) Ke-21 di Kompleks Sukan Sungai Kebun selama empat hari, tiga malam bermula 7 hingga 10 Disember 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil ialah Pengarah

Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi.

Turut hadir, Naib-naib Yang Dipertua Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam, Ahli-ahli Eksekutif Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam dan ibu bapa para peserta.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan

Doa Selamat, diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Awang Mohamad Hazrin bin Daud yang mana menekankan mengenai Program LESTARI yang memfokuskan individu ke arah membuat pilihan yang lebih bijak dengan menerapkan dan mengekalkan sifat-sifat murni, baik dan *sense of belonging*.

Selain itu juga, ia adalah satu simulasi tentang perjalanan hidup yang diolah melalui pelbagai tugas, penglibatan dan aktiviti yang bagaikan *roller coaster* dengan diuji ketahanan mental, fizikal dan emosi mereka, agar mereka bersedia menghadapi kehidupan mendatang.

Fasilitator-fasilitator bagi program ini telah pun mendapatkan latihan bagi mengendalikan program ini dari dalam dan luar negara dan terdiri daripada belia yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta daripada pelbagai bidang.

Tetamu kehormat majlis seterusnya berpeluang menonton tayangan video aktiviti-aktiviti LESTARI dan menyampaikan sijil kepada 21 peserta LESTARI yang kini dikenali sebagai 'IONIC 21' dengan moto 'Unique, Stronger together, Unbreakable' dan juga berkesempatan untuk mendengarkan sesi kongsi sama daripada tiga wakil peserta.

Program LESTARI merupakan suatu program latihan yang

menggabungkan aktiviti dalaman dan luaran yang mencabar peserta dari segi keupayaan emosi, fizikal dan rohani. Latihan ini dibukakan kepada remaja dan belia berumur 15-25 tahun.

Objektif utama program ini ialah untuk mendidik para peserta dengan kemahiran hidup dalam persekitaran yang lebih interaktif.

Selain itu juga, ia menggalakkan para remaja dan belia untuk bertanggungjawab ke atas diri mereka sendiri, keluarga, rakan-rakan dan masyarakat. Ia juga akan dapat membantu para peserta untuk belajar dan memperoleh peluang untuk menggunakan potensi mereka sepenuhnya.

جائتین فرانتھن اېکونومي دان ستاتيسټيک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HALU PIPAL PENGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

### Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# MINDA PEMBACA

## Pertahankan sejarah warisan negara

**S**EJARAH adalah tanda mercu kebijaksanaan yang melintasi masa dan menandakan jejak perjalanan sebuah negara. Warisan sejarah sebuah negara adalah harta yang tidak ternilai harganya kerana ia memegang kunci identiti dan kebanggaan bagi generasi masa kini dan akan datang. Oleh kerana itu, pentingnya untuk memahami dan mempertahankan warisan sejarah sebuah negara agar tidak terabaikan.

Warisan sejarah adalah jendela ke masa lalu yang membolehkan kita memahami akar budaya, nilai-nilai, dan perjuangan yang membentuk bangsa ini. Melalui peninggalan-peninggalan sejarah seperti bangunan bersejarah, artifak, dokumen dan cerita

rakyat, kita memperoleh wawasan yang dalam tentang asal-usul kita. Namun, tanpa perawatan dan perlindungan yang memadai, warisan ini dapat menghadapi risiko kepunahan dan belahan dalam pemahaman akan identiti kita.

Menjaga warisan sejarah merupakan salah satu tanggungjawab bersama. Pihak kerajaan, masyarakat dan generasi muda memiliki tugas penting dalam memelihara dan mengekalkan peninggalan sejarah ini. Kerajaan harus memaikan tugas yang proaktif dengan menyediakan dana, regulasi dan program pemeliharaan untuk menjaga keutuhan warisan sejarah. Pendidikan mengenai nilai-nilai sejarah dan

budaya perlu disebarkan agar masyarakat dapat menghargai kekayaan yang dimiliki.

Generasi muda memiliki tanggungjawab untuk meneruskan warisan ini kepada generasi selanjutnya. Salah satunya dengan mengembangkan minat terhadap sejarah, mempelajari cerita-cerita masa lalu, dan terlibat dalam kegiatan pemeliharaan, maka generasi muda dapat menjadi agen perubahan yang menghidupkan kembali warisan yang telah terlupakan.

Selain mempertahankan warisan sejarah secara fizik, namun juga penting untuk memastikan bahawa kisah sejarah yang disampaikan adalah inklusif dan mencerminkan keragaman

**Nama : Norfadzelah binti Haji Ahmad**  
**No. K/P: 01-031XXX**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 'Amalkan Berbelanja Secara Berhemah'. Tarikh Tutup : 13 Disember 2023
- 'Pentingnya Pengesanan Awal Kanser'. Tarikh Tutup : 20 Disember 2023
- 'Manfaatkan Waktu Cuti Sekolah Sebaiknya'. Tarikh Tutup : 27 Disember 2023

**Terma dan Syarat :**

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :  
**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
 Lapangan Terbang Lama, Berakas  
 Bandar Seri Begawan, BB3510  
 Negara Brunei Darussalam.  
 atau melalui  
 E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**

# BND75

SETIAP MINGGU

## Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

## RAKYAT MESIR MENGUNDI HARI TERAKHIR PILIHAN RAYA PRESIDEN



**KAHERAH**, 12 Dis. - Rakyat Mesir keluar mengundi pada Selasa di hari terakhir pilihan raya presiden manakala penyandang Presiden Abdel-Fattah al-Sissi dijangka dipilih semula buat penggal ketiga, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Undian dibuka pada 9 pagi Ahad, 10 Dis dan berlangsung selama tiga hari hingga Selasa, 12 Dis. Pilihan raya tahun ini dibayangi

perang Gaza dan krisis ekonomi yang teruk.

Selama beberapa minggu sebelum pilihan raya, pihak berkuasa menggesa orang ramai untuk keluar mengundi di tengah-tengah kebimbangan peratusan keluar mengundi yang rendah.

Pada Ahad, suruhanjaya pilihan raya mendedahkan bahawa

peratusan keluar mengundi adalah tinggi dan "melebihi jangkaan".

Undian bermula pada 9 pagi (0700 GMT) Selasa di seluruh Mesir dan berlangsung selama 12 jam. Keputusan rasmi dijangka diumumkan pada 18 Dis.

Selain al-Sissi, terdapat tiga calon lagi turut bertanding.

Pada 2013, pasukan tentera yang diketuai oleh al-Sissi

menggulingkan Mohammed Morsi, presiden Mesir yang dipilih secara demokrasi.

Dalam pilihan raya pada 2014 dan 2018, El-Sisi meraih kemenangan besar dengan memperoleh 96 peratus undi.

Para penyokong melihatnya sebagai jaminan kestabilan di tengah-tengah kegawatan serantau. Pengkritiknya,

bagaimanapun, menyalahkan beliau atas keadaan ekonomi yang merosot dan kurangnya kebebasan. - ©BERNAMA

## Rusia bina lebih banyak kapal selam nuklear bersenjata strategik - Putin

**MOSCOW**, 12 Dis. - Rusia merancang untuk memperluas armada kapal selam nuklear bersenjata strategik kata Presiden Vladimir Putin pada Isnin semasa menghadiri pentauliah dua kapal selam baharu di Severodvinsk di

utara negara itu.

Bendera tentera laut Rusia dinaikkan buat kali pertama di atas Imperator Aleksander III dan Krasnoyarsk.

Putin berkata kedua-dua kapal baharu itu akan menyertai Armada

Pasifik Rusia di Timur Jauh, Agensi Berita Jerman (dpa) memetik laporan Agensi Berita Interfax.

Dalam beberapa tahun akan datang, limbungan kapal Sevmas di Severodvinsk akan membina tiga lagi kapal selam nuklear strategik

kelas Borei.

Imperator Aleksander III adalah dari kelas Borei, yang berukuran 140 meter panjang dan mampu melancarkan peluru berpandu balistik antara benua jenis SS-N-32 Bulava.

Krasnoyarsk, yang berukuran 130 meter panjang adalah daripada kelas Yasen yang lebih kecil dan dilengkapi dengan peluru berpandu

anti-kapal Oniks dan peluru berpandu jelajah Kalibr.

Sevmash terletak berhampiran Archangelsk di Laut Putih, kira-kira 1,000 kilometer utara Moscow.

Menurut laman web Global Firepower, Rusia dengan 70 kapal selam mengendalikannya armada kapal selam kedua terbesar di dunia selepas China. - ©BERNAMA

## Agensi kemanusiaan PBB kurangkan program bantuan ekoran dana semakin berkurangan

**GENEVA**, 11 Dis. - Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memerlukan AS\$46.4 bilion untuk operasi kemanusiaannya pada tahun depan, menurut laporan yang dikeluarkan pada Isnin.

Pejabat Penyelaras Hal Ehwil Kemanusiaan (OCHA) PBB melaporkan mengenai Gambaran Keseluruhan Kemanusiaan Global 2024 bahawa peruntukan itu akan membantu hampir 181 juta orang di 72 negara.

Walaupun berlaku peperangan, konflik dan bencana iklim serta keburluran, kemiskinan, wabak penyakit serta perpindahan, sumbangan yang diterima oleh pejabat penyelaras itu semakin berkurangan.

Ketua OCHA Martin Griffiths berkata sistem kemanusiaan kini

berhadapan krisis pembiayaan yang teruk, lapor agensi berita Jerman (dpa).

"Pada 2023, kami hanya menerima lebih satu pertiga daripada AS\$57 bilion yang diperlukan," menurutnya dalam kenyataan di laman sesawang OCHA.

"Ini merupakan kekurangan pembiayaan terburuk dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Namun, kami masih dapat menyampaikan bantuan untuk melindungi dan menyelamatkan nyawa 128 juta orang di seluruh dunia."

Penurunan mendadak sumber kewangan memaksa agensi kemanusiaan itu mengurangkan bantuan termasuk mengurangkan program makanan, air dan kesihatannya.

Ini menyebabkan sasaran untuk 2024 terpaksa dikurangkan kepada hanya 181 juta penerima berbanding 245 juta orang yang perlu dibantu.

"Saya sangat bimbang tentang bantuan kemanusiaan untuk tahun 2024. Tanpa pembiayaan yang mencukupi, kami tidak dapat menyediakan bantuan untuk menyelamatkan nyawa," kata Griffiths.

Disebabkan jumlah sumbangan yang kurang, 10 juta orang di Afghanistan tidak menerima sebarang bantuan makanan antara Mei dan November tahun ini.

Di Myanmar, agak mustahil untuk membina penginapan yang lebih baik kepada setengah juta pendudukannya yang kehilangan tempat tinggal. - ©BERNAMA

anti-kapal Oniks dan peluru berpandu jelajah Kalibr. Sevmas terletak berhampiran Archangelsk di Laut Putih, kira-kira 1,000 kilometer utara Moscow. Menurut laman web Global Firepower, Rusia dengan 70 kapal selam mengendalikannya armada kapal selam kedua terbesar di dunia selepas China. - ©BERNAMA

## Tiga maut dalam banjir di Bolivia

**LA PAZ**, 12 Dis. - Sekurang-kurangnya tiga maut termasuk dua kanak-kanak selepas dua sungai melimpah di wilayah Potosi, Bolivia pada Ahad, menurut pihak berkuasa tempatan pada Isnin, lapor Xinhua.

Mangsa yang maut merupakan seorang wanita berusia 70-an dan dua kanak-kanak, masing-masing berusia tiga dan lapan tahun yang dihanyutkan di perbandaran Cotagaita, kata setiausaha pembangunan pertanian dan keselamatan makanan kerajaan tempatan, Genaro Mendez kepada pemberita.

Sekurang-kurangnya 25 komuniti luar bandar dan 1,500 keluarga telah terjejas akibat banjir, kata Timbalan Menteri Pertahanan Awam Bolivia, Juan Carlos Calvimontes semasa sidang media pada Isnin.

Jalan raya, rumah dan struktur fizikal yang lain turut rosak teruk. - ©BERNAMA

## India tolak laporan mengenai 'memo rahsia' sebelum pembunuhan aktivis Sikh di Kanada

**NEW DELHI**, 11 Dis. - Kerajaan India menolak laporan "yang sengaja direka" mendakwa ia menghantar "memo rahsia" mengarahkan konsulatnya di Amerika Utara supaya melancarkan "skim tindakan keras yang canggih" terhadap kumpulan-kumpulan Sikh di negara-negara Barat.

"Kami menegaskan bahawa laporan itu palsu dan sengaja direka. Tidak ada memo sedemikian," kata Kementerian Luar dalam satu kenyataan pada Ahad.

"Ini adalah sebahagian daripada kempen maklumat palsu berterusan terhadap India," kata kementerian itu.

Portal berita The Intercept pada Ahad melaporkan bahawa Kementerian Luar India pada April 2023 menulis memo yang menyenaraikan beberapa penentang Sikh yang sedang disiasat oleh agensi perisikan India.

Senarai itu termasuk Hardeep Singh Nijjar, warga Kanada yang berasal dari India, yang ditembak mati oleh penyerang yang tidak dikenali di pinggir bandar Vancouver pada Jun, menurut laporan The Intercept.

"Langkah-langkah tegas perlu diambil bagi memastikan suspek bertanggungjawab," menurut memo itu seperti dalam laporan (The Intercept).- ©BERNAMA

## Sekolah ditutup, penerbangan dibatalkan ekoran ribut salji landa China

**ZHENGZHOU**, 11 Dis. - Perkhidmatan penerbangan di wilayah Zhengzhou dibatalkan manakala sekolah-sekolah ditutup akibat ribut salji yang melanda wilayah Henan, China pada pagi Isnin, lapor Xinhua.

Menurut stesen kaji cuaca bandar itu, taburan hujan di stesen Zhengzhou merekodkan bacaan 14.2 milimeter (mm) dan salji setebal 10 sentimeter (cm) dalam tempoh hanya enam jam.

Cuaca buruk turut menjejaskan lalu lintas, operasi penerbangan dan perkhidmatan kereta api di wilayah berkenaan.

Pada pagi Isnin, 22 penerbangan dibatalkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Zhengzhou Xingzheng dan beberapa bahagian membabitkan 46 lebuhraya telah ditutup.

Perkhidmatan kereta api termasuk kereta api berkelajuan tinggi dan antara bandar turut ditangguhkan, menurut pihak berkuasa berkaitan.

Sehingga kini, beberapa ratus amaran berkaitan angin kencang, salji tebal, gelombang sejuk dan jalan berselaput ais telah dikeluarkan di wilayah itu.- ©BERNAMA

## Prabowo-Gibran mendahului tinjauan terkini pilihan raya Presiden Indonesia 2024

**JAKARTA**, 11 Dis. - Prabowo Subianto dan Gibran Rakabuming Raka menjadi gandingan utama dalam tinjauan simulasi pemilihan bagi pilihan raya Presiden Indonesia 2024 baru-baru ini.

Berdasarkan tinjauan Indikator Politik Indonesia, sokongan terhadap Prabowo-Gibran menyaksikan peningkatan sehingga enam peratus, iaitu 45.8 peratus berbanding bulan lalu.

Sebaliknya, Ganjar Pranowo dan Mahfud Md mencatatkan penurunan sehingga lima peratus, iaitu pada kadar 25.6 peratus, manakala Anies Baswedan dan Muhaimin Iskandar kekal pada 22.8 peratus.

Tinjauan dijalankan dari 23 Nov hingga 1 Dis secara bersempua membabitkan 5,380 responden

dan menggunakan kaedah pensampelan rawak dengan margin ralat ±2.9 peratus dan tahap keyakinan 95 peratus.

Sokongan terhadap gandingan Prabowo-Gibran semakin meningkat merentasi semua peringkat umur termasuk Generasi X, milenium dan baby boomer dan kekal konsisten dalam kalangan pengundi Islam dan bukan Islam.

Meskipun pilihan raya pusingan pertama masih tidak menentu, Indikator Politik Indonesia menyuarakan keyakinan bahawa kedua-dua individu terbabit akan melayakkan diri dalam pusingan seterusnya.

Sementara itu, Lembaga Survei Indonesia mendedahkan bahawa sokongan untuk Prabowo-Gibran

meningkat sebanyak 9.7 peratus kepada 45.6 peratus pada Disember berbanding tinjauan yang dilakukan pada Oktober.

Ganjar-Mahfud menduduki tempat kedua dengan 23.8 peratus, diikuti rapat Anies-Muhaimin dengan 22.3 peratus.

Tinjauan yang dijalankan dari 3-5 Dis itu membabitkan 1,426 responden melalui panggilan telefon, dengan margin ralat dianggarkan sekitar 2.6 peratus pada tahap keyakinan 95 peratus.

Rakyat Indonesia akan mengundi pada 14 Feb depan bagi memilih pemimpin seterusnya menggantikan Presiden Joko Widodo yang akan menamatkan penggal kedua dan terakhirnya pada Okt 2024. - ©BERNAMA

## Gencatan senjata di Gaza penting demi tamatkan pertumpahan darah

**GENEVA**, 11 Dis. - Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Tedros Adhanom Ghebreyesus pada Ahad berkata "tanpa gencatan senjata, keamanan tidak akan wujud" ketika menyentuh mengenai situasi di Gaza.

Beliau membuat kenyataan itu semasa ucapan penutup pada sesi khas lembaga eksekutif WHO, di mana satu resolusi diterima pakai, menegaskan bahawa "semua pihak terlibat dalam konflik bersenjata mesti mematuhi

kewajipan yang dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa berkaitan dengan perlindungan orang awam dan kakitangan perubatan."

Lembaga eksekutif sebulat suara menerima pakai resolusi yang membincangkan krisis kemanusiaan di Gaza, menekankan keutamaan kesihatan sejagat dan peranan perkhidmatan kesihatan serta bantuan kemanusiaan ke arah perdamaian meskipun dalam

situasi mencabar, lapor Agensi Anadolu.

Resolusi itu menyeru penghantaran bantuan kemanusiaan ke Gaza dengan "kadar segera, berterusan dan tanpa halangan," termasuk akses untuk kakitangan perubatan.

Tedros mendesak semua negara anggota khususnya yang mempunyai pengaruh untuk bekerjasama dalam menamatkan konflik di Gaza secepat mungkin. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei




## AKTIVITI BOWLING PERSAHABATAN PEMBUKA TIRAI PROGRAM PEMIMPIN-PEMIMPIN MUDA KALI KE-9

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**JERUDONG**, Selasa, 12 Disember. – Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong hari ini menyertai Aktiviti Bowling Persahabatan sempena Program Pemimpin-pemimpin Muda Kali Ke-9 yang diadakan di The Country Club, The Empire Brunei.

Turut menyertai aktiviti tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Menyertai Tuan Yang Terutama Lawrence Wong ialah Menteri di JPM, Menteri Kewangan (Kedua) dan Menteri Pembangunan Negara (Kedua), Puan Yang Terutama Indranee Thurai Rajah; Menteri



**TIMBALAN** Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong semasa menyertai Aktiviti Bowling Persahabatan sempena Program Pemimpin-pemimpin Muda Kali Ke-9. Turut menyertai aktiviti tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Negara Kanan, Kementerian Kemampanan dan Sekitaran dan Kementerian Tenaga Manusia, Tuan Yang Terutama Dr. Koh Poh Koon; Menteri Negara Kanan, Kementerian Perhubungan dan Penerangan dan Kementerian Pembangunan Negara, Tuan Yang Terutama Tan Kiat How; dan

Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon.

Aktiviti Bowling Persahabatan itu diadakan sebagai aktiviti riadah dan pembukaan tirai kepada acara-acara utama dalam Program Pemimpin-pemimpin Muda Kali Ke-9.

TYT Lawrence Wong serta rombongan berada di Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda Kali Ke-9, yang mana pada tahun ini adalah giliran Negara Brunei Darussalam menjadi hos kepada program tersebut.

## Mohd. Nazirol Ehsan juara Beyblade X '2 on 2'



**PARA** pemenang yang menyertai Beyblade X '2 on 2' semasa sesi bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto :  
DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam

Jaksuha Bladers, dalam perlawanan separuh akhir Beyblade X '2 on 2' anjuran Underground Tournament yang di adakan di Jalan Binglu, Tanah Jambu.

Sementara, tempat ketiga dimenangi oleh Awang Muhammad Eddy Shahnoor Syakirin bin Haji Abdul Aziz daripada Pasukan Santai Aja Bladerz, setelah menewaskan Awang Abdul Malik Sofri bin Mohd. Ariffin daripada Pasukan Jaksuha Bladers sekali gus menduduki tempat keempat.

Manakala pemenang hadiah Top 8 disandang oleh GB Sallehuddin, JB Aedidopian dan GB Ehsan.

Dalam perebutan Liga Beyblade Brunei Darussalam bagi Tahun 2023 / 2024, Pasukan Jakusha Bladers berjaya memperoleh 97 mata, diikuti Pasukan Underground Beys dengan 61 mata, Pasukan Santai Aja Bladerz mengutip 58 mata, manakala Pasukan Ghostbeys memperoleh 56 mata dan Beyblade Madness dengan 7 mata.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin 11 Disember. - Awang Mohd. Nazirol Ehsan bin Kahar daripada Pasukan Ghostbeys berjaya merangkul juara dan naib juara, setelah

menewaskan Awang Muhammad Eddy Shahnoor Syakirin bin Haji Abdul Aziz daripada pasukan Santai Aja Bladerz dan Awang Abdul Malik Sofri bin Mohd. Ariffin daripada Pasukan